

Volume III
No. 32



Wednesday
15th February, 1967

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

THIRD SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA

CONTENTS

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [4537]

BILL:

The Supply Bill, 1967—

Committee of Supply—

**Heads S. 22, S. 23, S. 24, S. 25, S. 26, S. 27, S. 28 and
S. 29 [Col. 4551]**

Head S. 30 [Col. 4614]

MALAYSIA
DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Third Session of the Second Dewan Ra'ayat

Wednesday, 15th February, 1967

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr (Deputy) Speaker, TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ the Minister of Finance, TUAN TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, TAN SRI V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Transport, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Health, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister of Information and Broadcasting and Minister of Culture, Youth and Sports, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Minister of Lands and Mines, TUAN ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ the Assistant Minister of Education, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Health, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Labour, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).

- The Honourable TUAN ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- .. TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- .. WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- .. WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- .. TUAN ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI (Pasir Mas Hulu).
- .. DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- .. Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- .. TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH, S.M.K. (Kelantan Hilir).
- .. TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- .. PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- .. TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- .. TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- .. PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- .. TUAN CHAN SIANG SUN, P.J.K. (Bentong).
- .. TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- .. TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- .. TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- .. TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- .. TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- .. DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).
- .. TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- .. TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- .. TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- .. TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- .. TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- .. TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- .. WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- .. TUAN HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- .. DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- .. TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).

- The Honourable TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN
(Kota Bharu Hulu).
- .. TUAN IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- .. TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- .. PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- .. DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- .. TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- .. DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- .. TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- .. TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- .. TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu-Jempol).
- .. TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).
- .. TUAN MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- .. TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- .. WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- .. TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- .. TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasir Mas Hilir).
- .. TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR,
A.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- .. TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N.,
P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- .. TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).
- .. TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- .. TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.
(Johor Bahru Barat).
- .. TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- .. TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.
(Rembau-Tampin).
- .. RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- .. TUAN SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- .. TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- .. TUAN SNAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- .. TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
- .. TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- .. TUAN SULAIMAN BIN ALI (Dungun).
- .. TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- .. TUAN TAI KUAN YANG (Kulim-Bandar Baru).
- .. TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- .. DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- .. TUAN TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- .. TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).

- The Honourable TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).
 „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
 „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
 „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
 „ the Prime Minister and Minister of Foreign Affairs, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
 „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
 „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N. (Johor Timor).
 „ the Minister of Education, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
 „ the Minister for Local Government and Housing, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
 „ the Minister of Labour, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
 „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
 „ the Minister for Sabah Affairs, TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).
 „ the Assistant Minister without Portfolio, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
 „ the Assistant Minister of National and Rural Development, TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
 „ the Assistant Minister of Finance, DR NG KAM POH, J.P. (Teluk Anson).
 „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
 „ O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
 „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
 „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
 „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN (Sarawak).
 „ TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
 „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
 „ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
 „ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
 „ TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
 „ TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
 „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
 „ TUAN THOMAS KANA (Sarawak).

- The Honourable TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- .. TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- .. TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- .. TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- .. DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- .. TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
- .. TUAN T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- .. TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- .. DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- .. DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
- .. ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- .. DATO' HAJI MUSTAFA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- .. TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).
- .. TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- .. TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- .. DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- .. TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN SIOW LÖONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- .. PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- .. TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- .. TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- .. TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- .. TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

PRAYERS

(Mr (Deputy) Speaker *in the Chair*)

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS

PERGUNAAN BAHASA DI-RADIO DAN TALIVISHEN

1. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Penerangan dan Penyiaran apa-kah langkah² yang telah dan sedang Kerajaan ambil untuk menggunakan bahasa² lain, di-dalam perkhidmatan radio dan talivishen selain daripada bahasa² yang di-gunakan pada masa ini dan bahasa apa-kah yang akan di-utamakan.

The Minister of Information and Broadcasting (Tuan Senu bin Abdul Rahman):

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak ada apa² rancangan untuk menggunakan bahasa² tambahan di-dalam perkhidmatan kebangsaan-nya baik di-radio mahu pun di-talivishen. Dasar yang ada sekarang yang mengutamakan bahasa kebangsaan di-samping memberi tempat yang sa-wajar-nya kepada bahasa² China, Tamil dan Inggeris ada-lah sesuai dengan kehendak² dan semangat Perlembagaan kita.

Di-negeri² yang mempunyai station² daerah atau regional station radio-nya sendiri, terutama seperti di-Sarawak dan di-Sabah, di-adakan pula siaran²

daerah di-dalam mana bahasa tempatan, ada juga di-gunakan, umpamanya Iban di-Sarawak dan Kadazan di-Sabah dan dalam sedikit masa lagi bahasa atau pun lebih tepat lagi saya katakan loghat ia-itu Kenyah di-Sarawak dan Bajau di-Sabah akan di-gunakan juga.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya menerima kaseh di-atas dasar yang mengutamakan bahasa kebangsaan itu, tetapi boleh jadi soalan saya ini tidak begitu tegas kepada maksud yang saya kehendaki, ia-itu saya maksudkan bahasa yang lain ia-lah bahasa² yang dapat di-dengar di-dunia luar supaya dunia luar dapat memahami kedudukan kita, bukan ma'ana untuk siaran tempatan sahaja. Mithal-nya bahasa Arab, bahasa Peranchis, atau pun bahasa² yang dapat di-dengar di-dunia luar, kerana Yang Berhormat Menteri kita pada tahun sudah berjanji bahawa usaha² yang samacham itu akan di-lakukan pada masa akan datang—erti-nya pada masa ini.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang-lah menjadi ranchangan atau chadangan daripada pehak Kementerian ini untuk menambahkan bahasa² yang tersebut ia-itu melalui siaran ka-luar negeri, tetapi bukan-lah ma'ana-nya siaran di-dalam negeri. Memang-lah bahasa² seperti mana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi akan di-tambahkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan. Kalau-lah sudah jelas ada ranchangan, dapat-kah saya tumpang mengetahui apa-kah latehan² yang sudah di-mulakan untuk mendapat juruhebah² yang sesuai bagi darjah itu?

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pada mula-nya pehak Kementerian ini memang sudah membuat ranchangan untuk mengadakan latehan² yang sesuai untuk mengambil kaki-tangan terutama sa-kali di-dalam siaran bahasa Perancis atau pun kalau Yang Berhormat itu maseh ingat—Ahli² Dewan ini maseh ingat—saya juga pernah menyebutkan bahasa

Swahili dan sa-bagai-nya pada tahun yang lepas. Tetapi memandang kapada kedudukan sekarang ini dan dengan keadaan kedudukan kewangan kita, maka tidak dapat-lah di-jalankan pada hari ini. Walau bagaimana pun memang menjadi harapan saya pada satu masa yang tidak berapa lama lagi ranchangan² untuk penyiaran bahasa lain itu akan dapat di-jalankan. Jadi untuk menjawab Ahli Yang Berhormat tadi tidak-lah di-adakan latehan² pada hari ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang terakhir. Benar-kah bahawa radio dan talivishen kita hanya memberi peluang kepada ahli² musik atau pun penyanyi² yang professional sahaja yang selalu mendapat tempat di-dalam siaran? Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi benda itu berlaku begitu, tetapi yang saya hendak tanya ini, ada-kah Kementerian mengarahkan begitu, supaya peluang² di-dalam talivishen dan radio bagi ahli² seni dan musik menyanyi ini di-utamakan kepada orang² yang professional sahaja? Ada pun orang² yang darjah-nya maseh amateur macham saya dan kawan² yang lain ini, belum dapat peluang yang sa-macham itu.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun soal itu tidak termasuk di-dalam soalan yang di-kemukakan di-dalam Rumah ini, tetapi saya suka menjawab ia-itu tidak ada sama sa-kali arahan daripada pehak Kementerian atau daripada saya sendiri yang mengatakan bahawa chuma orang² professional sahaja yang boleh mengambil bahagian, baik dalam musik atau pun nyanyian dan sa-bagai-nya. Jadi Radio Malaysia dan Talivishen Malaysia ada-lah terbuka kepada segala lapisan, termasuk Ahli Yang Berhormat itu juga, kalau sa-kira-nya ia dapat menjunjukkan yang dia ada bakat menyanyi atau menari atau satu² bakat kesenian.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Talib

(Kuantan): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semenjak ada-nya pemancar radio di-Kuantan, penduduk² di-sana berasa terima kaseh

kerana siaran melalui bahasa Inggeris dan bahasa Melayu mendapat *reception* yang baik. Tetapi malang-nya, tidak ada siaran dalam bahasa China dan Tamil. Sunggoh pun saya mendapat tahu kemudahan² di-pemancar itu ada. Dapat-kah Mnteri itu memberi jaminan bahawa siaran² dalam bahasa China dan Tamil juga akan di-pancharkan daripada steshen di-Kuantan.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang ada rancangan ini, tetapi pada masa ini, memandangkan kepada kakitangan dan sa-bagai-nya, itu-lah tidak di-jalankan pada masa ini.

BAYARAN LESEN RADIO DAN TALIVISHEN

2. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta kepada Menteri Penerangan dan Penyiaran nyatakan berapa banyak jumlah wang yang patut di-kutip dari bayaran radio dan talivishen bagi tahun 1966; berapa banyak-kah yang dapat di-kutip, dan berapa-kah baki-nya serta apa-kah sebab²-nya baki itu tidak dapat di-kutip.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, satu banchi (survey) yang lengkap untuk menentukan jumlah orang yang mempunyai peti radio atau talivishen belum pernah di-jalankan oleh kerana beberapa sebab. Jadi jumlah wang yang patut di-kutip dari lesen² Radio dan Talivishen tidak-lah dapat di-pastikan dengan betul. Jumlah wang yang di-kutip dari lesen talivishen dan radio dari bulan January sampai bulan December tahun 1966 ada-lah saperti berikut:

Talivishen	\$1,807,728
Radio	3,424,224

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak-kah Yang Berhormat Menteri kita berasa penting bahawa estimate hasil itu patut kita mengetahui, kemudian dapat-lah kita bandingkan hasil yang telah sempat kita pungut—dengan demikian tahu-lah kita bahawa pegawai² yang berkenaan dalam usaha memungut hasil² itu menjalankan

pekerjaan mereka itu dengan baik atau pun tidak. Ada pun kalau Yang Berhormat Menteri kita mengaku bahawa belum ada lagi satu survey pun, sa-hingga tidak tahu berapa banyak radio yang di-pakai sa-kurang²-nya sa-takat yang Kerajaan tahu, hanya mengemukakan berapa yang dapat, dan perkara itu menurut Menteri kita oleh beberapa sebab—dapat-kah Menteri kita menerangkan salah satu daripada beberapa sebab yang banyak itu.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pehak Kementerian saya telah menchuba dengan berbagai² jalan meminta orang² yang mempunyai radio dan talivishen membayar lesen dan sa-bagai-nya—pendek-nya dengan berbagai² chara penerangan telah dibuat dan terkadang² di-ugut dengan hukuman² kerana kita hendakkan supaya tiap² sa-orang yang mempunyai radio dan talivishen itu membayar lesen. Tetapi sampai hari ini tidak dapat, walau pun bagaimana kita menggunakan pegawai² untuk menyiasat, tidak dapat saya memberi ketetapan di-sini sa-berapa banyak radio yang sudah di-punyai oleh penduduk² Malaysia ini atau talivision yang di-punyai oleh penduduk² Malaysia ini. Chuma anggaran² yang liar, kata orang, atau *wild guess* yang di-buat oleh sa-tengah² pehak, mengatakan barangkali sampai \$6,000,000 atau \$7,000,000 pendapatan daripada radio dan talivishen. Semua itu chuma *wild guess* atau pun anggaran liar yang tidak dapat di-tentukan dan saya sendiri tidak mahu membuat anggapan yang sa-macham itu melainkan sa-sudah saya mendapat keterangan² yang lengkap. Tetapi saya suka memberi pangakuan di-dalam Rumah yang berbahagia ini, pehak Kementerian telah memchuba dengan berbagai² jalan kerana kita tahu ini-lah satu jalan mendapatkan wang bagi pehak Kerajaan dengan banyak. Terima kasih.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau-lah kita sudah mendapat tahu angka² liar bagitu, tentu-lah pehak Kerajaan kita tidak teragak² lagi

untuk mengambil tindakan supaya angka itu dapat kita ketahui dengan sa-benar-nya. Jadi ada-kah benar bahawa 'ma'alumat yang sampai kepada saya, orang² ini tidak begitu sangat hendak mematohi peratoran atau pun undang² chukai, radio terutama-nya dan talivishen, ia-lah kerana undang² yang di-kenakan itu merupakan ugutan, sa-bagaimana yang di-sebut oleh Yang Berhormat Menteri kita tadi, tidak sa-bagai law betul². Sebab kalau kita membuat peratoran hendak mengenakan satu hukuman kepada orang, kalau itu motive-nya hanya sa-mata² sa-bagai ugutan, maka tentu-lah orang tidak menyambut atau pun tidak patoh kepada peratoran itu. Jadi, boleh-kah Menteri kita memberi penerangan bahawa ugutan yang samacham itu betul² akan di-jadikan law, tidak sa-bagai ugutan sahaja.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya bagi pehak Yang Berhormat itu, saya tidak akan mengeluarkan perkataan yang sademikian kerana bagi pehak Kementerian saya sendiri, saya memandang daripada kedudukan pemilek² radio, terutama sa-kali pada hari ini radio ini telah tersebar di-seluruh Malaysia. Pendek-nya ra'ayat Malaysia ini biar pun mempunyai pendapatan yang sa-berapa pun juga, dapat mempunyai radio—dapat memileki radio, dan radio ia-lah satu alat entertainment, satu alat penerangan yang dapat di-dengar dan dapat di-dengar dan dapat di-mileki oleh ra'ayat Malaysia. Saya dapat mengadakan undang² yang keras untuk memaksa atau menghukum sa-siapa yang tidak membayar lesen radio atau talivishen. Tetapi apa akibat-nya? Saya fikir Yang Berhormat sendiri patut faham, kalau sa-kira-nya undang² itu di-kenakan sekarang ini atau pun di-keraskan, tentu-lah banyak pemilek² radio yang ada pada hari ini tidak dapat memileki radio. Jadi dengan sebab itu di-beri peluang—saya senantiasanya memberi peluang kepada pemilek² radio itu menggunakan fikiran sendiri dan membayar lesen manakala datang permintaan² atau pun manakala membeli talivishen atau pun radio yang baharu. Saya perchaya Yang Berhormat

faham akan maksud saya itu ia-itu kita chuba hendak meringankan sa-berapa yang boleh penduduk Malaysia ini, dan membolehkan mereka memileki radio atau talivishen—biar-lah tiap² sa-buah rumah mempunyai radio dan talivishen.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kelantan Hilir): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sa-bagaimana yang saya ketahui, ada-lah perkara chuai untuk membayar lesen radio ini bukan-lah perkara baharu, bahkan perkara yang sudah bertahun² lama-nya. Jadi sekarang ini, mengikut kenyataan yang telah di-keluarkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri mengatakan, kalau sa-kira-nya tindakan yang keras di-ambil, maka apa-kah akibat-nya. Kalau sa-kira-nya itu-lah perasaan Yang Berhormat Menteri, maka tidakh guna di-ugut² atau di-minta² harga² lesen ini—chuma di-hapuskan terus dan di-adakan perkhidmatan radio ini sa-bagai chara free perchuma sahaja. Kalau tidak begitu, kalau sa-kira-nya Kerajaan berchadang untuk hendak mengutip juga hasil daripada lesen ini, maka tindakan mesti-lah di-ambil dengan sa-chara undang². Sa-bagaimana yang saya tahu, pegawai² yang di-tugaskan untuk memereksa lesen² ini tidak di-beri kuat-kuasa yang penoh kepada mereka itu untuk hendak memereksa bangunan² maka ini-lah satu daripada sebab²-nya, maka pengutipan hasil daripada lesen ini tidak dapat di-jalankan dengan lichin-nya.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-pertua, manakala saya mengatakan ugutan, ma'ana-nya bukan-lah tidak di-hukum; kalau Yang Berhormat itu sendiri telah pernah membacha dalam surat² khabar, memang ada hukuman² telah di-jatuhkan, pepereksaan juga, pembicharaan juga telah di-adakan kepada pemilek² radio yang tidak membayar lesen. Bukan-lah ma'ana-nya ugutan itu sa-mata² ugutan sahaja, tetapi peluang itu maseh di-beri lagi kepada pemilek² radio, supaya membayar lesen dengan sa-berapa segera. Saya beri peluang itu lagi. Itu sahaja maksud saya tentang ugutan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya bersetuju dengan perasaan timbang rasa daripada pehak Menteri dan pehak Kerajaan. Tetapi yang saya mahu, yang saya hendak bertanya, bagini: Kalau kita rasa kasehan kepada masyarakat dan kita hendak memberi peluang, maka hukuman² itu atau pun bayaran lesen radio itu kita rendahkan. Tetapi yang saya maksud, saya tidak mahu Kerajaan kita membuat satu undang² yang tidak berjalan. Jadi kalau-lah negara kita ini bersikap bagitu—membuat satu undang², kemudian tidak menjalankan kerana kasehan ra'ayat, akhir-nya undang² yang lain² pun orang² tidak peduli. Jadi kalau kita kasehan kepada ra'ayat, ada-kah Kerajaan bersedia untuk menurunkan hasil chukai² yang akan di-kenakan kepada radio dan television dan merendahkan lagi hukuman² yang akan di-kena kepada ra'ayat, tetapi laws itu mesti di-jalankan.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, hukuman memang di-jalankan. Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi, terlalu banyak pada hari ini, pendek-nya radio dan television ini sudah menjadi satu benda yang mustahak kepada tiap² sa-orang di-seluruh Malaysia ini. Jadi, walau bagaimana pun perhubungan yang di-buat oleh Kementerian ini untuk memaksa atau meminta pemilek² radio ini mendapatkan lesen ini maseh lagi belum dapat sambutan yang sa-penoh-nya daripada mereka. Jadi, walau bagaimana pun saya beri pengakuan di-sini bahawa memang pehak Kementerian ini sedang menchari jalan, kerana kita tahu bahawa pendapatan daripada radio dan television ini banyak tiap² tahun dan pendapatan ini patut sangat² di-dapati oleh Kementerian ini dan saya suka lagi membuat seruan di-dalam Rumah yang berbahagia ini, supaya pemilek² radio dan television itu tidak akan melalaikan tanggong-jawab mereka ia itu dengan membayar lesen television dan radio mereka.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Timbul-nya daripada kenyataan Menteri Penerangan

tadi yang menyatakan tidak dapat hendak di-agak berapa sa-benar-nya jumlah peti radio dan television yang ada pada ra'ayat, tidak-kah Menteri itu sedar bahawa jalan yang paling mudah bagi mendapat ma'lumat ini ialah dengan meminta kedai² yang menjual radio dan television itu memberi kenyataan berapa jualan-nya kepada Kementerian dan dapat di-kumpulkan ma'lumat itu dengan segera.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, untok ma'lumat Ahli Yang Berhormat itu, pehak Kementerian ini telah pun meminta daripada kedai² sa-bagaimana yang di-chadangkan itu pun telah di-buat oleh Kementerian ini, tetapi bagitu pun tidak dapat sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh pehak Kementerian ini.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Boleh-kah Yang Berhormat Menteri memberi keterangan kepada Rumah ini, berapa-kah bilangan orang² yang telah di-tangkap di-dalam tahun 1966 kerana tidak membayar lesen radio ini.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi bilangan yang telah di-tangkap, tetapi saya dapat memberikan kepada Yang Berhormat itu kemudian.

Tuan Abdul Razak bin Hussin (Lipis): Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Kerajaan berchadang mengadakan banchian negara kepada radio dan television bagi mengetahui; jumlah yang sa-benar pemilek² radio dan television di-Malaysia ini.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Saya minta ulang balek lagi sa-kali.

Tuan Abdul Razak bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kerajaan berchadang, dalam satu daripada ranchangan-nya, bagi mengadakan banchian negara bagi mengetahui jumlah yang sa-benar berapa pemilek² radio dan television di-Malaysia ini.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, itu memang ada-lah menjadi tujuan Kementerian saya.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang saya ikut dalam siaran² television dan radio, pegawai² di-television dan radio ada menyebutkan hukuman² yang akan di-kenakan kepada orang² yang di-dapati tidak membayar lesen radio atau television-nya yang berthabit kesalahan-nya itu dengan denda yang paling tinggi \$1,000, kalau saya tidak salah dan di-dalam pegawai itu sendiri menyebutkan melalui television dan radio, telah ada orang² yang di-tangkap serta di-denda atau di-hukum atas kesalahan seperti ini. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bukan-lah ini merupakan satu pengamalan daripada undang² bagi mengawal supaya jangan ada orang yang menggunakan television dan radio dengan tidak ada mempunyai lesen, dan bukan-lah ini erti-nya bahawa undang² itu telah berjalan.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang undang² itu telah berjalan sa-bagaimana saya katakan tadi.

PERKHIDMATAN PERDAGANGAN BAGI SIARAN RADIO DAN TALIVISHEN

3. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Penerangan dan Penyiaran bila-kah Kerajaan akan mula menjalankan perkhidmatan radio dan talivishen sa-bagai perkhidmatan perniagaan (commercial) supaya dapat di-elakkan daripada beban memungut cukai dan hasil-nya.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri, sa-masa meletakkan batu asas Bangunan Pusat penyiaran pada 12hb Disember yang lalu, telah menyebut tentang kemungkinan menjadikan perkhidmatan radio dan talivishen sa-bagai perkhidmatan perdagangan. Semenjak itu saya telah melantek sa-buah jawatan-kuasa dengan Pengarah Penerangan dan Penyiaran Negera sa-bagai Pengerusi-nya untuk meninjau dengan lebih jauh lagi soalannya. Kerajaan akan mengkaji laporan itu apabila siap kelak dan sa-

belum itu tidak-lah dapat saya memberi apa² keterangan yang lebih lanjut.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan. Ada-kah kita hanya akan bergantung kepada shor yang akan di-beri oleh jawatan-kuasa mengkaji berkenaan dengan hendak mengubah chara² menggunakan radio dan talivishen daripada khidmatan Kerajaan kepada commercial, kerana dalam sa-panjang kenyataan dari soal jawab tadi kita dapati bahawa masalah radio dan talivishen tentang memungut cukai-nya amat-lah rumit. Tidak-lah Kerajaan berfikir bahawa dengan chara kita menjadikan perkara ini satu perkara commercial dengan sa-beberapa segera, maka tanggong-jawab kita akan berkurangan dan hasil-nya akan dapat lebih dan dengan demikian kita pun dapat-lah mengatasi keadaan² yang kita tidak dapat atasi pada masa ini.

Yang kedua, tidak-kah Kerajaan kita memikir bahawa dengan jalan menjadikan urusan commercial (perdagangan), ini akan membuka peluang yang lebih bebas lagi kepada radio² dan talivishen itu untuk memberi peluang kepada siaran² dan pertunjukan² yang lebih bermutu daripada chara yang kita mengkongkong pada masa ini.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya kata tadi, sa-belum laporan itu di-sediakan oleh jawatan-kuasa yang membuat laporan ini, saya per-chaya, akan mengutip pendapat² dan fikiran² yang bersetuju dan yang tidak bersetuju dan sa-bagai-nya, berkenaan dengan chadangan ini. Tetapi sa-belum daripada laporan itu di-siapkan saya tidak-lah akan membuat apa² kenyataan yang lebih lanjut.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan, yang terakhir. Jawatan-kuasa itu ia-lah di-lantek oleh Kementerian, dan sudah tentu-lah akan memungut pendapat² daripada pehak yang tertentu sahaja. Ada-kah Kerajaan bersedia untuk mendapat fikiran daripada pehak² Pembangkang sama dalam perkara ini?

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu berkehendakkan memberi

fikiran sila-lah beri fikiran-nya tiada siapa yang akan menegah-nya.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapat-kah Menteri ini menerangkan bahawa Talivishen dan Radio ini satu alat pemerintah atau Kerajaan yang paling penting sa-kali dan soal² perkhidmatan perniagaan merupakan satu usaha bagi mendapatkan hasil. Adakah Yang Berhormat Menteri ini berchadang untuk mengasingkan dua perkhidmatan ini: yang pertama perkhidmatan yang di-pegang oleh Kerajaan merupakan siaran yang langsung daripada Kerajaan yang di-pegang oleh Kerajaan dan satu lagi mengadakan satu perkhidmatan yang lain dengan siaran yang lain daripada Talivishen itu yang berkhidmat untuk perniagaan. Adakah Kerajaan atau Yang Berhormat Menteri berikhtiar atau pun berchadang hendak membuat Talivishen itu dua channel—satu bagi siaran khas dan perniagaan dan satu lagi untuk siaran Kerajaan seperti sekarang.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana saya katakan tadi, segala keputusan akan di-buat sa-lepas daripada laporan diterima daripada jawatan-kuasa yang saya katakan tadi. Jadi sa-belum dari itu tidak dapat-lah saya memberi apa² pendapat atau pun comment sama ada akan di-asingkan atau tidak manakala di-persetujukan kelak. Jadi saya sa-kali lagi suka sebutkan laporan yang akan di-siapkan oleh jawatan-kuasa ini-lah yang akan dapat memberi Kerajaan peluang untuk menyemak berkenaan dengan apa yang telah di-sebutkan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri tadi.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya demikian ma'ana-nya Kementerian ini terikat kepada penyata atau pun laporan yang akan di-buat dan Kementerian ini atau Yang Berhormat Menteri tidak dapat memberikan fikiran-nya kepada chara yang hendak di-buat oleh jawatan-kuasa itu. Adakah di-dalam jawatan-kuasa ini yang hendak di-buat laporan-nya sama ada boleh atau tidak di-adakan pengasingan atau

pun pemisahan. Boleh-kah atau tidak Yang Berhormat Menteri ini membuat pengeshoran-nya sendiri di-atas nama Menteri yang bertanggung-jawab di-atas penyiaran ini terhadap kemungkinan² yang mendatangkan faedah terutama kepada Kerajaan dan juga kepada kaum perniagaan.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, tadi telah saya katakan, jawatan-kuasa ini di-lantek oleh Kementerian ini—ma'ana-nya segala laporan yang di-buat oleh jawatan-kuasa ini akan sampai kepada saya dan akan di-bawa ka-dalam Cabinet, akan di-binchangkan oleh Juma'ah Menteri. Dan sa-belum daripada jawatan-kuasa ini atau pun satu² ketetapan di-ambil berkenaan dengan perkara commercial ini, tentu-lah saya rasa tidak begitu menasabah untuk saya mengeluarkan satu² fikiran dan pendapat, walau pun pendapat itu merupakan fikiran saya sendiri tetapi tidak akan menghalang fikiran dan pandangan manakala saya di-dalam jawatan-kuasa yang saya sebutkan tadi dan semua perkara² itu akan di-bawa kepada saya sendiri dan saya perchaya kalau sa-kira-nya siap kelak nanti, Jawatan-kuasa Penerangan Parlimen ini juga akan di-bawa berunding bersama².

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, jikalau menurut jawapan Menteri tadi bahawa dia tidak terikat dengan laporan jawatan-kuasa yang di-lantek itu. Maka tidak-kah ada pandangan-nya atau sa-belum jawatan-kuasa itu memberikan laporan-nya, bahawa perkhidmatan Radio dan Talivishen sa-chara commercial itu belum lagi sesuai untuk negeri kita pada masa ini.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Dalam jawatan-kuasa itu pun memang telah di-sebutkan supaya menetapkan pendapat² di-dalam laporan itu apa-kah commercial Talivishen ini akan menguntongkan Kerajaan atau merugikan Kerajaan. Kalau menguntongkan Kerajaan, apa-kah perkara² yang menguntongkan Kerajaan dan apa-kah pula perkara² yang merugikan Kerajaan, semua-nya akan di-masokkan dalam laporan yang tersebut.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta ma'af kepada Menteri kita hendak bertanya satu. Adakah benar berita² angin yang saya dapat—boleh jadi benar boleh jadi tidak—bahawa ada banyak sangat pengachau terhadap kemajuan² di-dalam Talivishen dan radio ini dan kata-nya pengachau² itu ia-lah Member² of Parliamen daripada Ahli Perikatan sendiri. Kata-nya Menteri kita ini tidak pernah mengeluarkan fikiran yang bertanggung-jawab sa-bagai sa-orang Menteri, dengan demikian Menteri ini tidak-lah dapat hendak menjalankan dengan tegas-nya. Saya tumpang bertanya kalau boleh beritahu.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Jikalau sa-kira-nya ada sungutan² yang demikian belum-lah sampai kepada pengetahuan saya. Tetapi saya lebeh suka kalau sa-kira-nya sungutan itu dibuat di-dalam Rumah ini atau pun terus terangkan, sama ada ucapan² saya itu atau statement² saya bertanggung-jawab atau tidak dan saya per-chaya tentu-lah sa-kira-nya ada masalah² yang demikian atau soalan² yang demikian, Ahli Yang Berhormat daripada Bachok itu-lah akan menjadi orang yang pertama sa-kali mengeluarkan statement yang demikian.

BILL

THE SUPPLY BILL, 1967

Order read for resumed consideration of debate in Committee of Supply (Ninth Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

SCHEDULE

Heads S. 22, S. 23, S. 24, S. 25, S. 26, S. 27, S. 28 and S. 29.—

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan sukachita-lah saya memperkatakan Kepala S. 22 sa-hingga S. 29 bersama² sa-kali. Oleh kerana Kepala² Perbelanjaan ini ada-lah meliputi anggaran²

Jabatan di-bawah portfolio Perbendaharaan maka saya menhadangkan supaya jumlah² yang berikut di-luluskan:

Kepala S. 22—\$4,402,047 bagi Perbendaharaan, Kepala S. 23—\$29,362,705 bagi Perkhidmatan 'Am Perbendaharaan, Kepala S. 24—\$65,200,000 bagi peruntukan Kapada Kumpulan Wang Terkanun, Kepala S. 25—\$12,832,055 bagi Kastam dan Eksais di-Raja, Kepala S. 26—\$3,406,887 bagi Kastam dan Eksais di-Raja—Malaysia Timor, Kepala S. 27—\$275,571 bagi Pengawal Besar Hasil Dalam Negeri, Kepala S. 28—\$6,788,676 bagi Hasil Dalam Negeri, Kepala S. 29—\$1,069,877 bagi Hasil Dalam Negeri—Malaysia Timor. Jumlah semua \$123,377,818.

Kepala S. 22—Perbendaharaan. Tuan Pengerusi, Kepala S. 22 ia-lah perbelanjaan untuk Perbendaharaan sa-benar. Di-sini tidak ada perubahan² besar kechuali sadikit tambahan kechil di-dalam Perjawatan timbul oleh kerana tugas² dan tanggung-jawab² tambahan yang telah di-pikulkan oleh Perbendaharaan. Tambahan dalam peruntukan gaji sa-banyak \$395,439 ada-lah disebabkan terutama oleh ada-nya jawatan² baharu untuk mengendalikan kerja² yang bertambah banyak terutama di-dalam bahagian kira² dan bahagian Penilai Perbendaharaan.

Di-bawah lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun, tambahan ia-lah sa-banyak \$167,314 terutama untuk Pechahan-kepala 2—Pentadbiran, Pechahan-kepala 9—Penchetakan dan Alat Tulis, Pechahan-kepala 11—Pangkutan dan Perjalanan dan Pechahan-kepala 19—Sewa Pejabat.

Tambahan untuk Pechahan²-kepala ini ada-lah di-perlukan sa-tengah-nya oleh kerana perbelanjaan yang bertambah dalam bidang pentadbiran biasa—saperti bayaran talipon, taligram, api kuasa letrik dan lain² perbelanjaan runchit. Perchetakan borang² baru dan perbelanjaan² perjalanan akibat bertambah-nya kegiatan² Bahagian Penilai dan Bahagian Kontrek, dan sa-tengah-nya oleh kerana pemindahan pejabat untuk Bahagian Pengator Chara di-Malaysia Timor.

Berhubung dengan Perbelanjaan Khas jumlah perbelanjaan yang dianggarkan pada tahun ini hanya-lah \$280,714 ia-itu berkurang sa-banyak \$134,602 jika di-banding dengan perbekalan sa-banyak \$415,316 dalam tahun 1966. Perbelanjaan ini ada-lah untuk membeli perabot dan alat² kelengkapan pejabat dan juga untuk memperbaiki bekalan lampu di-Pejabat Besar Accountant Negara Malaysia.

Kepala S. 23—Perkhidmatan 'Am Perbendaharaan. Sa-bagaimana yang di-nyatakan di-dalam *memorandum* Perbendaharaan mengenai Anggaran Perbelanjaan biasa bagi tahun 1967, sa-bahagian besar daripada tambahan berbanding dengan perbekalan bagi tahun 1966 ia-lah kerana perbekalan² tambahan untuk Perkhidmatan Rahsia, bantuan kepada Pehak² Berkuasa Tempatan kerana chukai² tempatan dan untuk menyelenggarakan jalan² raya. Sa-balek-nya pula terdapat beberapa pengurangan perbekalan yang besar untuk tahun 1967 terutama pada Pechahan²-kepala 8, 16, 21, 27 dan 32.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang tuan akan perhatikan, jumlah perbelanjaan di-bawah Kepala perbelanjaan ini menunjukkan perbekalan yang berkurang sa-banyak \$1,726,170 daripada perbekalan yang di-anggarkan untuk tahun 1966.

Kepala S. 24—Peruntukan Kapada Kumpulan Wang Yang Terkanun. Perbekalan tambahan Kepala S. 24 meliputi peruntukan kapada kumpulan² wang yang telah di-buat untuk menguruskan wang² yang telah di-khaskan untuk tujuan² yang tertentu.

Tambahan sa-banyak \$2 juta itu ada-lah oleh kerana bertambah-nya perbekalan untuk Kumpulan Wang Chadangan untuk Negeri dan Kumpulan Wang Amanah Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat. Tambahan untuk Wang Simpanan Negeri ia-lah untuk menampung kekurangan yang di-anggarkan dalam beberapa Kerajaan Negeri, saperti tambahan dalam perbekalan untuk Kumpulan Wang Amanah. Sementara tambahan dalam perbekalan untuk Kumpulan Wang Amanah Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat ia-lah kerana bertambah-

nya jualan dan bertambah kerap-nya chabutan loteri pada tiap² tahun.

Kepala S. 25—Kastam dan Eksais di-Raja. Tambahan sa-banyak \$1,179,232 di-bawah peruntukan Gaji ia-lah kerana jawatan² baharu terutama pada perengkat rendah untuk mengendalikan kerja² yang bertambah banyak berhubung dengan kilang² membena ya'ni assembly kereta, pelabohan ayer dalam di-Butterworth, perlindungan untuk perusahaan² tempatan, gerakan² Eksais dan kerja² menentang penyeludupan dan lain².

Di-bawah lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun, tambahan sa-banyak \$262,638 itu pada sa-bahagian besar-nya ia-lah kerana bertambah-nya perbelanjaan pentadbiran, pengangkutan, pakaian sa-ragam dan kelengkapan.

Tambahan bagi perbekalan untuk Pengangkutan Perjalanan ia-lah untuk melipat gandakan gerakan² menentang penyeludupan. Tambahan untuk Pechahan-kepala S. 5 ia-lah untuk keperluan² Latehan di-Maktab Latehan Kastam di-Melaka.

Berhubung dengan Perbelanjaan Khas, perbekalan untuk tahun ini adalah kurang daripada perbekalan untuk tahun yang lalu dan ia di-perlukan untuk menggantikan alat² kelengkapan dan lain², membena setor dan membena rumah² kakitangan.

Kepala S. 26—Kastam dan Eksais di-Raja Malaysia Timor. Tambahan di-bawah perbekalan untuk Gaji ia-lah kerana ada-nya jawatan² baharu terutama pada perengkat Pegawai² Kastam untuk menjalankan kerja² yang bertambah oleh kerana bertambah-nya perdagangan di-negeri² Malaysia Timor terutama di-Sabah. Bagi Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun, tambahan sa-banyak \$44,000 ada-lah di-perlukan oleh kerana perbelanjaan tambahan bagi pentadbiran, pakaian sa-ragam, pengangkutan dan perjalanan yang bertambah banyak terutama oleh kerana bertambah-nya pegawai² dan kakitangan².

Di-bawah Perbelanjaan Khas ada sedikit tambahan sa-banyak \$6,062

sahaja, sementara perbekalan untuk Perbelanjaan Khas di-Jabatan Kastam dan Eksais Negeri Sabah berkurang daripada tahun yang lalu. Tambahan untuk Jabatan Kastam dan Eksais Negeri Sarawak ia-lah untuk membeli Land Rover² bagi kerja² menchegeh penyeludupan.

Kepala S. 27—Pengawal Besar Hasil Dalam Negeri. Tambahan \$32,897 di-bawah perbekalan untuk Gaji ada-lah kerana ada-nya jawatan² baharu untuk memperkuatkan Jabatan ini dan juga untuk tujuan memberi latehan.

Di-bawah Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun terdapat sa-banyak \$16,747 dalam perbekalan untuk pentadbiran, alat tulis, pengangkutan dan perjalanan. Sa-bahagian besar daripada tambahan ini akan di-belanjakan untuk tujuan² yang bersangkutan-paut sa-chara langsung dengan Undang² Chukai Pendapatan yang di-satukan.

Kepala S. 28—Hasil Dalam Negeri. Bekalan keseluruhan di-bawah Kepala S. 28 menunjukkan tambahan sa-banyak \$1,320,790 bagi tahun 1967. Tambahan ini meliputi perbelanjaan bukan sahaja bagi Jabatan Hasil Dalam Negeri tetapi juga bagi Pejabat Setem dan Bahagian² Chukai Pendapatan dan Hasil Dalam Negeri dan juga untuk mengambil kakitangan bagi bahagian *Electronic Data Processing*.

Tambahan di-bawah Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun ia-lah kerana kenaikan biasa belanja pentadbiran yang berhubung dengan perचितakan, alat tulis dan pengangkutan.

Kepala S. 29—Hasil Dalam Negeri, Malaysia Timor. Ini ia-lah Kepala perbelanjaan yang terakhir di-bawah Portfolio Perbendaharaan ia-itu untuk Jabatan² Hasil Dalam Negeri Persekutuan di-Malaysia Timor. Perbekalan keseluruhan di-bawah Kepala Perbelanjaan ini yang menunjukkan tambahan sa-banyak \$178,088 daripada perbelanjaan yang di-anggar bagi tahun 1966 ada-lah untuk menampung tambahan kecil dalam jawatan yang perlu di-buat untuk memperkuatkan kedua² Jabatan itu supaya membolehkan-

kan-nya menghadapi tambahan² biasa, tugas² dan tanggung-jawab²-nya.

Tuan Mohamed Daud bin Abdul Samad (Besut): Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap sedikit dalam S. 22, S. 23, S. 25 dan S. 28.

Tuan Pengerusi, sa-sudah kita mendengar keterangan yang di-beri oleh pehak Perbendaharaan yang telah diterangkan oleh Setia-usaha Parlimen bagi Kementerian Kewangan sa-kejap tadi, maka nyata-lah, Tuan Pengerusi, ada beberapa perkara yang rasa patut di-terangkan tetapi tidak di-terangkan, maka itu-lah sebab-nya saya ingin mendapat penjelasan.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, amalan Perbendaharaan ini yang dudok-nya di-bawah Kementerian Kewangan tidak menunjukkan suatu amalan yang sa-laras dengan kehendak dan tujuan Kerajaan yang telah menyatakan bahawa kita telah kekurangan wang dan hendak di-kurangkan lagi pegawai-nya atau pun hendak diturunkan gaji² pegawai²-nya. Sa-patut-nya, Tuan Pengerusi, Jabatan Perbendaharaan yang dudok di-bawah Kementerian Kewangan ini-lah yang menunjukkan chontoh tauladan kepada Kementerian² yang lain supaya sejajar dan selaras dengan kehendak dan tujuan Kerajaan tidak begitu banyak menambahkan pegawai²-nya di-dalam Jabatan Perbendaharaan ini. Apa yang saya bacha di-sini saya dapati bahawa di-dalam Jabatan Perbendaharaan ini telah di-tambah sa-banyak 19 orang. Kalau tahun 1966 dahulu ada sa-ramai 177 orang dan sekarang ini bagi tahun 1967 telah di-tambahkan 19 orang yang menunjukkan 196 orang. Tuan Pengerusi, dengan bertambah-nya pegawai² di-dalam Jabatan Perbendaharaan ini saya harap-bahawa kerja² di-dalam Jabatan ini akan berjalan dengan lancar, baik dan lebeh sempurna lagi daripada tahun² yang sudah.

Tuan Pengerusi, saya menyentoh pula S. 23, muka surat 274, Butiran 34—Perbelanjaan Lembaga Pinjaman Pemulehan Sa-Mula Lombong² Bijeh Timah orang² China dan Lembaga Pinjaman Pemulehan Sa-Mula Perusahaan. Sungguh pun, Tuan Pengerusi, di-dalam ini menunjukkan

perbelanjaan bagi tahun ini ada kurang daripada tahun dahulu—tahun dahulu ada \$600.00 sekarang ini di-kurangkan kepada \$500.00, tetapi yang menjadi tanda-tanya kepada saya, apa-kah sebab-nya kepada lombong² bijeh dan perusahaan² bagi orang² China ini di-adakan suatu peruntokan pemulehan sa-mula dan maseh di-tunjokkan bahawa ini ada-lah pemulehan sa-mula kepada orang² China. Jadi, kalau saya mithal-nya berchakap soal orang Melayu di-dalam Dewan ini, maka pehak Kerajaan akan menudoh bahawa saya membawa soal perkauman di-dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi kenyataan di-dalam buku ini maseh menunjukkan perkauman yang di-jalankan oleh pehak Kerajaan itu tidak habis² dan belum tamat lagi, sa-patut-nya tidak ada lagi perkataan orang² China ini di-ubah kepada suatu perkataan yang lain mithal-nya perkataan pemulehan sa-mula kepada pelombong² dan perusahaan yang di-dalam-nya akan dengan sendiri-nya termasuk berbagai bangsa yang sedang atau pun akan mengambil bahagian di-dalam perlombongan dan perusahaan di-negara kita ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, kalau ada satu lembaga yang sa-macam ini, saya rasa tidak kurang juga perusahaan kayu balak mithal-nya, sa-harus-nya pehak Kerajaan mengadakan suatu lembaga pemulehan sa-mula saperti ini juga.

Tuan Pengerusi, saya beraleh pula kepada Pechahan-kepala 35.

Mr Chairman: Kepala 35 belum sampai lagi, baharu sampai 29 sahaja.

Tuan Mohamed Daud bin Abdul Samad: Ma'af, Tuan Pengerusi, Butiran 35 ia-itu berhubung dengan pinjaman yang di-beri oleh Lembaga Pinjaman Pemulehan Sa-Mula Lombong Bijeh Timah Orang² China. Angka-nya tidak berubah, Tuan Pengerusi, ia-itu sa-banyak \$35,000 juga. Jadi nyata-lah, Tuan Pengerusi, bagaimana yang saya katakan tadi bahawa orang² China yang menjalankan tugas perlombongan ini kalau mereka itu rugi, maka mereka akan mendapat sagu-hati atau pun ganti-rugi, tetapi bagaimana dudok-

Sir, I am not in a position to give any evidence in this House which is positive, but I am sure many Members of the House have heard stories and have heard rumours, which are not different from those that have come to my ears. All that I can say is that I do not lightly repeat this type of stories. For example, we hear of people from abroad who come to our country and quite honestly, mind you, but jokingly, most of these people do say, "Oh! your Customs service is probably the best in South-East-Asia." However, that does not mean that we are ideologically the best, because we understand that when compared to any of the other Asian countries, probably our standards are very high; but nevertheless, they do say, "You know, it is very strange, when I come through your Customs gate and I have a luggage and I get my luggage opened, I am told that I have to pay a tax of \$20. I am surprised that your taxes are so low, because I expected to be charged very much more." Further, they go further to tell us stories like, "When I do pay them \$20 as I am asked to pay, I am given a receipt for only \$2. That becomes a little bit misleading and confusing." Most travellers do accept this type of situation as part

and parcel of the penalties of international travel and part of the difficulties of going through the tariff barriers of different countries. In our country, it is not as bad as other countries. But, Sir, obviously this type of rumours cannot prevail unless there is a certain amount of truth, and I do hope that the Secret Service, and probably the Anti-Corruption Service under the Ministry of Home Affairs, can really try and check on these incidents which actually provide a stigma against the good name of the Customs Service.

There are other instance, for example, which are a little bit more ludicrous. For example, during the Budget debate even when the Minister of Finance announced the imposition of the new two per cent surtax, particularly in application to Penang, and also the new type of import duties and Customs duties on printed matter, we had a situation where a Customs Officer in all his zealotness insisted that a shipping company should pay for the manifest papers for the goods that were brought in, in view of the fact that manifest papers constituted printing material. The total amount of excise charged under those circumstances was two cents! And I feel that a certain degree of discretion could have been used. Here the over-zealousness provides a rather ludicrous picture of enthusiasm. With this type of extreme example, I hope that the Ministry will really look into the matter in good faith and try and eradicate it, firstly by the use of some kind of a secret service system within itself, in order to make sure that the service is really above reproach and the traditions maintained on the highest order and the highest standards of ideal, not of comparison with neighbouring countries, and in so doing the Ministry will concentrate its efforts also by providing proper training in the Royal Customs Training College, so that the officers coming in and the new generation of Customs Officers will not only carry on the traditions that have been established but actually set higher and better standards than had hitherto been established.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentoh beberapa perkara, ia-itu berkenaan dengan Kepala 25—Kastam dan Eksais di-Raja.

Beberapa orang daripada Ahli² Yang Berhormat daripada pehak Kerajaan sendiri telah menegor beberapa perkara yang patut di-amal perhatian oleh Kementerian ini terutama sa-kali yang menarek perhatian saya ia-lah kemasokan barang² yang datang-nya daripada luar negeri, terutama daripada Kominis China yang bukan sahaja disebutkan tadi oleh sa-orang daripada teman, Ahli Yang Berhormat daripada sini, yang menyatakan bukan sahaja ayam dalam tin atau basikal sahaja, tetapi banyak kalau kita perhatikan pergi keluar dan ka-pasar² yang ada di-tanah ayer kita ini, kita tengok ka-chang juga di-bawa daripada negeri China. Kita nampak barang² permainan kanak² juga di-bawa daripada negeri Kominis China, alat² persekolahan—pensel yang kechil² yang harga-nya 10 sen, 15 sen, juga daripada negeri China dan yang malang-nya, pada fahaman saya, barang yang murah macham ini tentu-lah kita suka membeli-nya, tetapi pada barang² itu ditulis “Made in Peoples Republic of China”. Jadi dengan sendiri-nya anak² kechil yang berasal daripada ra‘ayat Malaysia ini yang berbagai bangsa, dengan sendiri-nya ternampak barang itu keluaran daripada negeri China, dengan sendiri dia terasa bahawa negeri China Kominis sekarang ini boleh membuat pensel yang sa-kechil²-nya sampai kapada bom hydrogen. Jadi kechinaan mereka itu kembali kapada asal keturunan-nya dan dengan ini mengechewakan hasrat kita sendiri untok hendak menjadikan anak² kita pada masa akan datang ra‘ayat Malaysia yang sa-benar-nya.

Sa-lain daripada itu, saya nampak bahawa kemasokan barang² daripada negeri Kominis China ini merupakan satu propaganda kominis, yang menyebutkan bahawa dasar Kominis itu lebih baik daripada dasar yang kita jalankan sekarang. Mithal-nya barang² mereka itu sudah dapat di-buat dengan begitu

baik dan bagitu murah sa-hingga terpengaruh jiwa kanak² dengan perbuatan ini. Saya sendiri, Tuan Pengerusi, bila kita menyebut soal kacang, mithal-nya, sudah-lah menjadi dasar kita hendak mempertahankan petani² kita mendapatkan hasil yang baik—FAMA akan bekerja ka-arah ini semua. Tetapi manakala barang² ini di-masokkan, saya rasa dia akan mengancam petani² kita terutama sa-kali di-kawasan² menanam kacang di-negeri Perak, macham kacang Ipoh mithal-nya, yang termashor dengan sedap lemak-nya sudah tidak di-beli orang sebab kacang yang datang daripada negeri China lebeh besar, lemak² dan bagus² pula dan murah pula daripada kacang dari Ipoh atau daripada Menglembu. Jadi kalau macham itu, kalau dasar kita sekarang ini hendak mempertahankan petani kita—petani kacang dan beras dalam negeri ini, maka chukai atau pun kenaikan chukai yang berlipat ganda kepada kemasokan barang² ini harus-lah disemak dan patut di-naikkan untuk menjaga petani² kita jangan terkorban dengan sebab masok-nya barang² ini.

Tuan Pengerusi, perkara ini kechil sangat—kalau kita tengok kacang-kah, kacang goreng-kah, barang² permainan kanak²-kah,—perkara ini sangat, tetapi yang kechil ini-lah yang akan menjatuhkan perindustrian kita dalam negeri ini. Kita ada industry kita sendiri, kita ada mempunyai kilang² kita sendiri yang patut kita pertahankan, bukan sahaja mutu-nya tetapi penggunaan-nya biar-lah di-gunakan di-tanah ayer kita ini lebeh banyak daripada barang² yang di-datangkan daripada luar negeri.

Satu perkara lagi yang patut di-ambil perhatian oleh Kementerian ini, sa-lain daripada meninggikan chukai² kemasokan barang² ini supaya dapat dipelihara kedudukan hasil dalam negeri ini, maka ada lagi satu perkara yang patut di-ambil perhatian ia-itu kemasokan filem² yang datang-nya daripada luar Malaysia. Mithal-nya, dengan adanya filem² yang datang daripada luar Malaysia dengan chukai-nya yang sedikit yang di-kenakan ka-atas-nya, maka filem² ini dengan sendiri-nya akan berhadapan dengan filem² tempatan dan

apakala berhadapan atau ada competition dengan filem² tempatan, maka kilang filem di-negara kita ini dengan sendiri-nya jatuh.

Sa-bagai chontoh, Tuan Pengerusi, baharu² ini kita tengok Yang Teramat Mulia Perdana Menteri kita sendiri pun mengarah satu filem “Raja Bersiong”—itu pun di-buat di-Singapura, tidak di-buat di-Malaysia. Apa salah-nya kalau kita buat di-Malaysia dan kita adakan perindustrian filem kita sendiri di-Malaysia ini di-perbesarkan? Kalau sa-chara ini di-buat, tentu-lah perusahaan² filem di-Malaysia ini akan mendapat layanan, akan mendapat pasaran yang memuaskan dan kalau sa-kira-nya tidak di-buat demikian, maka perusahaan kita ini akan salama²-nya berganding berhadapan dengan perusahaan² luar negeri yang akibat-nya bukan sahaja menjatuhkan perusahaan kita, tetapi juga akan melumpuhkan beberapa pengusaha², terutama kaum tani mithal-nya tadi, dan pengusaha² yang lain yang berkenaan dengan yang saya sebutkan tadi. Sebab itu, saya menarek perhatian Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya dapat memelihara kekuatan dan ketinggian perekonomian kita dalam negara dengan jalan meninggikan chukai² barang² yang hendak di-bawa masok ka-dalam negeri kita ini.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Bahru Barat): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya menyokong Rang Undang² ini dan saya suka hendak berchakap sedikit berkenaan S. 25, muka 279, Butiran (62)—Pegawai Kastam. Saya sokong bagaimana Ahli daripada Johor Bahru Timor ia-itu Pegawai² Kastam di-Johor sangat berkurangan dan patut-lah pegawai² itu di-tambah lagi. Sebab bagaimana telah di-katakan tadi, penyeludupan sangat berluas² ia-itu bagi pehak di-Johor Bahru memang di-kehendakkan supaya di-tambah lagi Pegawai² Kastam untuk menjaga penyeludupan yang datang daripada pehak sa-belah Selat Tebrau dan juga kita tahu ia-itu hasil negara kita ini, terutama sa-kali daripada getah dan juga kayu kayan.

Saya suka hendak berchakap sedikit berkenaan getah yang di-ekspotkan melalui Singapura yang di-kenakan chukai dua sen sa-pound. Ini pada pendapat saya tidak menchukupi. Kerajaan harus mengenakan satu syarat ia-itu getah² yang di-ekspotkan mestilah di-nilaikan mutu getah itu sa-belum di-ekspot ka-luar negeri. Sebab pada masa ini getah² yang di-keluar-kan daripada negara kita, tidak di-nilai, di-hantar dengan lori sahaja, kemudian apabila sampai di-Singapura, getah² itu di-nilaikan mutu-nya, baharu di-bungkus dan di-ekspotkan ka-negeri lain. Ini sangat merugikan ra'ayat jelata negara kita terutama sa-kali ra'ayat di-Johor Bahru. Kalau getah² itu di-gradekan atau pun di-nilaikan mutu-nya kemudian di-bungkus, ini akan memberi pekerjaan kapada ra'ayat kita terutama sa-kali di-Johor Bahru.

Saya menyokong penoh atas apa yang di-kemukakan oleh Menteri Kewangan di-Dewan ini ia-itu getah² yang di-ekspotkan di-kenakan chukai dua sen sa-pound, bukan-lah tujuan menikam Singapura dari belakang, bagaimana yang telah di-fahamkan oleh wakil daripada Batu. Kita semua tahu ia-itu getah² yang di-ekspot ka-Singapura itu, di-ekspot sa-mula keluar negeri, tetapi banyak juga getah² itu di-kilangan, di-buat saperti sepatu, tayar dan lain² untok di-jadikan mata benda. Pada hal, Singapura tidak ada satu estate yang besar, tetapi mereka dapat mengekspotkan getah sama banyak dengan kita ekspotkan melalui pelabohan kita.

Saya berpindah pula kapada perkara kayu balak. Boleh jadi terlalu awal untok kita menchadangkan supaya ekspot kayu balak itu di-sekat sama sa-kali. Tetapi ranchangan harus di-buat dari sekarang untok dari segi jangka waktu yang sengkak, supaya kayu balak yang sudah di-kilang sahaja boleh di-ekspotkan ka-luar negeri, kechuali kayu² balak yang kurang baik mutu-nya baharu-lah kita benarkan di-ekspotkan keluar negeri. Hingga ini, quota² yang di-kenakan bagi kayu balak yang di-hantar keluar negeri melalui pelabohan kita di-kenakan

sharat, tetapi kayu² balak yang di-ekspot ka-Singapura tidak kena satu syarat pun dan tidak kena quota. Itulah sebab-nya Singapura sunggoh pun mereka itu tidak mempunyai hutan kayu, tetapi boleh mengekspot dengan banyak-nya kayu² balak dari Singapura, dan juga Singapura mengadakan banyak kilang² papan dan papan² itu di-ekspotkan ka-luar negeri, pada hal di-Johor sendiri—terutama di-Johor Bahru—banyak kilang² menjalankan kerja mengilang kayu hanya dua tiga hari dalam sa-minggu, kerana tidak chukup kayu dan ini sangat mendukachitakan terutama sa-kali pengkilang² di-kawasan Johor Bahru. Banyak daripada ra'ayat jelata terutama sa-kali di-Johor Bahru lari ka-Singapura untok menchari kerja. Bukan sahaja itu, kayu² di-hantar ka-Singapura di-buat pula perabut² atau furniture saperti kerusi meja dan di-hantar balek ka-Johor Bahru untok di-jual. Ini sangat mendukachitakan. Saya shorkan supaya dapat pehak Kementerian yang berkenaan mengambil pakar² kayu daripada luar negeri datang ka-negeri kita mengajar perusahaan kayukayan di-negara kita untok di-jadikan perabut (furniture) dan lain² yang boleh menjadikan kayu itu satu hasil yang besar dan memberi kerja kapada ra'ayat jelata kita.

Tuan Pengerusi, saya lihat di-dalam Dewan yang mulia ini, ada-lah kayu² yang ada di-sini ia-lah daripada hutan kita sendiri. Kita berasa bangga, kalau bagini-lah ada-nya tidak payah kita menghantarkan kayu bulat² keluar negeri sa-belum di-kilangan atau di-jadikan benda yang boleh memberi hasil yang banyak kapada negara kita dan pekerja² kita.

Tujuan kita ini, dengan apa yang kita lakukan harus di-pandang dari kepentingan national untok survival, bagaimana di-katakan oleh pehak orang sa-belah Selat Tebrau. Kita hendak-lah meletakkan kepentingan negara atas segala²-nya. Jika ada sa-siapa yang mengatakan sikap kita hendak menikam negara lain dari belakang, itu-lah satu subversive kapada national kita. Demikian, terima kaseh.

Tuan Ismail bin Idris (Pulau Pinang Selatan): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya bangun menguchapkan banyak² terima kasih kepada Menteri Kewangan kerana dia-lah orang yang selalu mendapat nesta dan marahan daripada ra'ayat apabila dia mengenakan chukai tiap² tahun. Uchapan terima kasih saya juga terpulang-lah kepada pegawai² kastam, yang telah bekerja begitu keras, bagi mendapatkan hasil dan pendapatan yang tinggi bagi membiayai perjalanan dan pentadbiran negara kita ini.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagaimana kita tahu dengan pengisytiharan oleh Menteri Kewangan berkenaan dengan chukai² yang dikenakan ini, terutama gula dan manchis api yang bersamaan harga-nya di-Pulau Pinang dan di-tanah besar, maka perasaan orang² di-Pulau Pinang sedang merasa gelisah terhadap kenaikan harga gula. Oleh sebab daripada ucapan Setia-usaha Parlimen yang mengatakan bahawa kita terpaksa membanyakkan pegawai² kastam, maka saya rasa ada-lah menjadi kewajipan Kementerian ini supaya dapat mengatasi dan menolong ra'ayat, di-Pulau Pinang supaya melegakan sedikit daripada penderitaan yang sedang di-rasai-nya ini.

Saya suka mengshorkan kepada Kementerian ini moga² dapat menempatkan kaki-tangan² kastam di-Butterworth sa-panjang 24 jam pada sa-hari. Dengan perbuatan yang sa-demikian maka dapat-lah orang² daripada Pulau Pinang dan tanah besar, berulang alek melalui ferry atau pun kapal pelabohan. Dengan ada yang demikian, maka dapat-lah orang² daripada tanah besar ini masuk ka-Pulau Pinang membelanjakan wang sedikit sa-banyak dan menolong orang² Pulau Pinang. Begitu juga pengangkutan² yang sedang menjalankan perusahaan itu dapat meneruskan perjalanan-nya di-antara malam sa-hingga siang. Hal ini, Tuan Pengerusi, kalau kita dapat pandangan, berpuluh² buah kereta dengan muatan yang penuh, untuk keluar pergi ka-tanah besar, mereka tidak dapat berbuat demikian kerana kapal atau pun ferry hanya berjalan sa-hingga pukul 12 tengah malam sahaja. Maka oleh yang

demikian, saya berseru-lah kepada pehak yang bertanggung-jawab, supaya membenarkan perjalanan kereta² yang menuju ka-tanah besar sa-lama 24 jam dan mengadakan kastam untuk memeriksa. Saya suka memberi akuan di-sini ia-itu pehak Penang Port Commission tidak ada bantahan bagi menjalankan Ferry Service-nya 24 jam satu hari. Ini terpulang-lah kepada pehak Kementerian ini kira-nya dapat memberi kerja sama dengan pehak Penang Port Commission bagi berbuat demikian.

Berhubung dengan ini, Tuan Pengerusi, saya suka memberi tahu Majlis ini ia-itu hasil daripada kenaikan Importation Tax 2% itu maka lagi satu kerumitan berlaku di-Pulau Pinang. Semua barang² yang di-masokkan daripada negeri² luar, umpama-nya, daripada Thailand, Indonesia dan sa-bagai-nya, apakala di-masokkan dalam pelabohan, maka barang² itu di-kenakan 2% tax. Oleh yang demikian hari ini orang² atau pun pedagang² yang biasa-nya memasokkan barang² itu sekarang sudah melanchong pergi ka-lain negeri kerana di-negeri yang satu lagi itu biasa-nya tidak di-kenakan 2% tax.

Sa-benar-nya, barang² ini bukan-lah barang² untuk Pulau Pinang, barang² ini hanya di-masokkan untuk sementara dan barang² ini akan di-export sa-mula. Jadi kalau sa-kira-nya Kerajaan dapat menolong, saya tidak membangkang atas 2% Importation Tax ini tetapi kalau sa-kira-nya Kerajaan dapat menolong supaya mengechualikan barang² yang masok dan di-export sa-mula itu tidak di-kenakan chukai Importation Tax, kerana ini hanya sementara sahaja. Dengan hal yang demikian, kalau Kerajaan dapat menolong seperti mana yang kita dapat tahu Importation Tax di-atas getah dan tin itu sudah di-kechualikan, saya harap lain² barang juga dapat di-kechualikan untuk sementara supaya memudahkan dan membolehkan orang² yang berniaga untuk mengeksportkan barang² yang di-masokkan ka-pulau itu boleh berjalan seperti biasa dan dengan yang demikian maka tidak-lah mendukachitakan orang² yang membuat kerja membawa masok barang² ka-Pulau Pinang.

Ini ada-lah satu permintaan daripada ra'ayat Pulau Pinang atau pun pedagang² di-pulau itu supaya perkara ini dapat di-beri satu pertimbangan. Saya suka mengshorkan atas soal ini supaya Kerajaan dapat menempatkan satu tempat khas, mithal-nya, kita ada satu pulau di-sana—Pulau Rimau, umpama-nya—jadikan-lah pulau itu tempat menyimpan barang² untuk hendak di-ekspot. Kalau ini dapat di-buat, pendapat saya ada-lah lega dan senang-lah sedikit pedagang² di-sana.

Ada satu perkara yang baharu² ini berlaku, ini saya minta supaya Menteri ini mengambil tahu—telor ayam. Telor ayam yang datang daripada Pulau Pinang untuk di-bawa keluar ka-tanah besar di-kenakan cukai tiga sen pada tiap² satu biji. Ini saya minta supaya dapat Menteri yang berkenaan menyasat ada-kah ini benar atau tidak. Kerana dua minggu sudah apabila saya balek ka-Pulau Pinang, saya dapat satu rayuan mengatakan sahabat saya bawa keluar telor ayam daripada Pulau Pinang ka-tanah besar lima puluh biji, dia terpaksa kena bayar cukai \$1.50. Ini saya hendak minta penerangan kerana apa, ini satu perkara yang harus merugikan orang² yang menternak ayam yang hari ini sudah mendapat sambutan baik, hasil daripada ternakan ayam dan mengambil telor. Sekarang telor yang ada di-Pulau Pinang itu sudah melebihi bagi makanan orang² di-pulau itu sendiri terpaksa-lah telor² itu di-ekspotkan ka-tanah besar. Tetapi kalau cukai telor ayam itu di-kenakan tiga sen pada sa-biji, maka sudah tentu-lah dagangan atau perusahaan telor ayam di-Pulau Pinang ini akan mati. Ini juga saya minta supaya Menteri ini dapat menjalankan penyiasatan dan menimbang-kan sa-mula.

Tuan Pengerusi, ada-lah menjadi dasar Kerajaan hari ini menggalakkan orang² awam supaya membeli saham² daripada sharikat² atau pun daripada company² yang besar supaya membolehkan mereka itu mendapat wang atau keuntongan (dividend). Apa yang saya hendak sebutkan di-sini ia-lah apakala sa-saorang itu telah di-beri wang dividend atau pun wang keuntongan yang mengikut Kerajaan ia-itu sa-telah di-potong 40% daripada keuntongan

itu, maka ahli saham itu buat tuntutan yang 40% yang telah di-potong hasil daripada sa-buah company itu minta membuat tuntutan kepada Pejabat Chukai Pendapatan atau Pejabat Inland Revenue, malang-nya tuntutan atau pun permohonan² yang sa-macam itu sangat-lah lambat dan tidak dapat hendak di-jalankan, tidak dapat hendak di-hasilkan dalam masa beberapa bulan. Jadi saya rasa mengapa-kah perkara itu di-lambat²kan sa-hingga empat bulan, lima bulan, enam bulan, pun belum dapat jawapan untuk tuntutan itu. Bagaimana kata Yang Berhormat dari Alor Star tadi, berkenaan dengan pension, itu apa juga. Tetapi saya tidak-lah hendak menyebut itu, tetapi hanya saya hendak membawa perkara ini sahaja. Tuntutan 40% hasil daripada dividend yang di-beri balek oleh Kerajaan itu tidak mendapat jawapan beberapa bulan. Wal hasil ahli² saham itu tidak kena cukai atau pun tidak kena bayaran cukai sama sa-kali. Ini-lah satu permintaan daripada orang² sana minta supaya perkara ini dapat di-selesaikan, dapat di-atasi, mudah²an orang² yang menjadi ahli² saham itu tidak-lah gelisah lagi.

Atas perkara² ini-lah yang saya hendak majukan kepada Kementerian ini mudah²an boleh mendapat perhatian daripada Kementerian. Terima kaseh.

Mr Deputy Speaker: Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul empat petang ini.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.00 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

SCHEDULE

Heads S. 21, S. 22, S. 23, S. 24, S. 25, S. 26, S. 27, S. 28 and S. 29—

Debate resumed.

Dato' Abdullah bin Abdulrahman (Kuala Trengganu Selatan): Tuan Pengerusi, saya rojok kepada S. 25, muka

278—Royal Customs and Excise, Preventive Branch. Kita tahu pergerakan mencheegah penyeludupan atau *anti-smuggling operation* ada-lah satu tugas yang sangat mustahak. Boleh-lah dikatakan ia-itu terpulang-lah kepada mereka di-dalam bahagian ini, sama ada banyak atau sedikit-nya hasil cukai yang kita boleh kutip daripada Jabatan Kastam.

Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak buat tekanan di-sini ia-lah mengenai keselamatan mereka² yang ada di-dalam *Preventive Branch* ini tatkala mereka menjalankan tugas dan sa-lepas menjalankan tugas. Saya per-chaya, Tuan Pengerusi, mereka² yang ada di-dalam *Preventive Branch* ini sentiasa mendedahkan diri mereka kepada segala bahaya daripada anasir² atau pun puak² samseng yang chuba hendak melarikan cukai atau pun yang chuba hendak membawa masuk ka-negeri barang² yang tidak di-benarkan di-bawa masuk.

Dengan yang demikian, saya meng-gesa kepada pehak Kerajaan supaya mengambil segala langkah untuk memberi perlindungan yang ketat kepada mereka² yang ada di-dalam bahagian ini dan saya berharap dengan itu keselamatan mereka lebeh terjamin dan kurang-lah sedikit bahaya dari puak² samseng ini terhadap diri mereka ini. Apa yang boleh di-buat oleh pehak Kerajaan ia-lah barangkali memberi senjata² api kepada mereka dan sa-kali² saya buat tekanan, bukan sentiasa, tetapi sa-kali² boleh di-beri atau boleh di-minta pehak Polis mengawal rumah² mereka, tempat² kediaman mereka, saperti *round* dan lain² dan juga lain² tindakan keselamatan di-ambil bagi kepentingan mereka ini. Dengan jalan itu kita berharap mereka² ini akan dapat menjalankan tugas-nya dengan lebeh sempurna, dengan lebeh memberi kesan dan memuaskan hati.

Tuan Pengerusi: Sudah habis?

Dato' Abdullah bin Abdulrahman: Juga, Tuan Pengerusi, saya mengshor-kan supaya tiap² ra'ayat di-dalam negara kita ini memberikan kerjasama yang erat kepada pehak Kerajaan dan dengan jalan ini kita berharap dengan

ada-nya kerjasama yang rapat itu dapat di-elokkan atau pun dapat di-tangkap orang² yang chuba membawa lari cukai dan sa-bagai-nya dan dengan jalan itu kita dapat menambah hasil negeri kita ini.

Tuan Toh Theam Hock (Kampar): Mr Chairman, Sir, I wish to refer to Head S. 23, page 273, under Sub-head 8, Crown Agents Expenses of \$500,000. Sir, I note that there is a slight reduction of \$100,000 from 1966. May I ask, is this \$500,000 for Crown Agents Expenses really necessary? I would have thought that this item would have completely disappeared by 1967.

Sir, we are now an independent nation. We have got rid of our colonial masters, and we are now managing our own affairs. We have looked after ourselves fairly well and, for that matter, we have the praises from all our neighbours and the whole world. Sir, we have achieved a remarkable rate of progress in a few years and we shall continue to do so.

Mr Chairman, Sir, why, may I ask, must we continue to have the services of the Crown Agents? Sir, this is most unbecoming where national interest and solidarity is concerned. Our Ministry of Commerce and Industry and the Ministry of Foreign Affairs have together, I believe, no less than 30 missions overseas, who can assist us in our purchases. Why do we not make use of these facilities for which we are already spending millions to maintain annually? Surely these missions that are set up are not show-places for international prestige? I am sure, Sir, that these missions amongst other things, are set up for the benefit of our country's commerce and industry. We have many import and export houses, most of them are locally incorporated, with local capital. These local houses are capable of acting as agents for the Government. Sir, may I suggest that the Honourable Minister of Finance look into this matter more fully and delete this item as soon as possible. I am sure the Government will not have to pay a single cent, if local firms take up the representation. Thank you, Sir.

Tuan Hussein bin To' Muda Hassan (Raub): Tuan Pengerusi, Supply Head 23, muka surat 273, Pechahan-kepala 4—Pampasan kerana Kerugian yang Menimpa Pegawai² 'Awam sama-masa bertugas.

Saya dapati pada tahun dahulu wang telah di-sediakan sa-banyak \$2,000; pada tahun ini hanya \$1,000 sahaja. Maka suka saya mendapat tahu daripada Kementerian ini mengapa di-kurangkan. Di-dalam negara kita maseh lagi ada tempat yang di-panggil tempat pendalaman yang terpaksa kita pergi ka-tempat itu melalui sungai² dan dengan berjalan kaki, dan banyak pegawai² kerajaan kita di-tugaskan untuk pergi ka-tempat itu kerana mengawasi. Umpama-nya, mengawas hal tanah, hal hasil² hutan dan juga guru² daripada sekolah² untuk bertukar ka-tempat yang jauh ka-hulu² sungai. Maka di-sini mengikut bagaimana per-untukan wang ini, keadaan mereka itu pergi menjalankan pekerjaan ka-situ tidak ada terjamin. Saya dapati motobot² yang membawa mereka itu tidak ada berinsuran. Dalam negeri Pahang daripada Kuala Lipis hingga sampai ka-kampung Ulu Jelai terpaksa menempoh beberapa buah jeram yang merbahaya, apabila silap kemudi-nya barangkali maut akan menimpa. Bagitu juga kawasan Ulu Tembeling yang kita terpaksa menempoh berbagai jeram dan bagitu juga-lah sa-bagaimana yang saya katakan tadi. Bagitu juga kalau guru² yang akan di-tukarkan ka-Pulau Tioman terpaksa mereka itu menyewa perahu² ikan yang tidak ada berinsuran. Maka saya harap mendapat jaminan daripada Kerajaan supaya keselamatan mereka ini terjamin di-bawah Head ini dan di-pohonkan Anggaran Perbelanjaan ini di-tambah, sunggoh pun saya ketahu² kita tidak suka menghadap kemalangan, tetapi malang tidak berbau.

Dalam Supply Head S. 24, muka surat 275, Sub-head 4—Kumpulan Wang Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan sa-banyak \$13 juta. Apa yang saya hendak katakan kepada Kerajaan, beberapa tahun yang lampau sangat-lah susah kita hendak mengumpulkan wang untuk menghantar sa-

saorang yang terkena sakit apabila pakar² kita di-tempat itu tidak dapat hendak mengubati-nya. Kita terpaksa menghantar pergi ka-Australia, Amerika atau London, maka terpaksa-lah merayu ka-ruangan² akhbar untuk mendapatkan duit. Penyakit yang saya kata tadi: jantung berlubang, buah ping-gang tidak berjalan betul, saloran buang ayer kechil tidak jalan betul. Jadi di-harapkan jika ada case macham ini tidak usah-lah kita merayu kepada orang 'awam lagi, terpaksa Kerajaan mesti mengeluarkan perbelanjaan di-bawah sub-head ini sebab jika sa-kira-nya Kerajaan boleh mengeluarkan wang ini banyak-lah nyawa² orang yang berguna kepada negara atau pun nyawa² anak yang berguna kepada negara dapat di-selamatkan. Terima kaseh.

Dato' Haji Mustapha bin Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, di-sini saya hendak berchakap di-atas muka 275 ia-itu Sub-head 2—Kumpulan Wang Chadangan untuk Negeri sa-banyak \$2 juta.

Tuan Pengerusi, di-atas perkara ini saya suka menarek perhatian Menteri yang berkenaan dengan chadangan yang di-buat oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam masa 5 tahun atau pun 6 tahun yang lampau ia-itu Kerajaan Negeri telah bersetuju bagi menaikkan gaji² Guru² Ugama dan Kadhi² dalam negeri Selangor ini, tetapi oleh kerana kenaikan gaji itu di-chadangkan lebeh daripada \$400.00 maka mustahak-lah mendapat kebenaran daripada pehak Perbendaharaan. Tetapi malang-nya, Tuan Pengerusi, hingga-lah pada hari ini kita belum lagi tahu apa-kah keputusan Perbendaharaan berhubung dengan chadangan Kerajaan Selangor bagi menaikkan gaji² Guru² Ugama dan Kadhi² di-dalam negeri Selangor ini. Saya perchaya perkara ini bukan sahaja daripada negeri Selangor, tetapi daripada negeri² lain juga di-dalam Tanah Melayu ini.

Jadi oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, saya harap-lah sangat kepada Menteri yang berkenaan ini akan dapat menimbang dan memikirkan kerana memandangkan kedudukan Guru² Ugama dan Kadhi² di-dalam negeri ini

kalau kita bandingkan dengan jawatan² yang lain jauh lebih rendah kedudukan gaji-nya yang di-terima pada masa ini sedangkan tanggong jawah dan kerja² mereka itu boleh di-katakan sangat² mustahak. Jadi oleh kerana itu saya berharap-lah dan ingin tahu kedudukan permohonan daripada Kerajaan² Negeri bagi memohon kebenaran daripada Perbendaharaan ini berhubung dengan kenaikan gaji yang tersebut. Terima kasih.

Tuan Tan Tsak Yu (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I wish to refer to page 292 of the Estimates, Supply Head S. 29—Inland Revenue—East Malaysia. Sir, the point which I wish to raise concerns the collection of turnover tax for 1966. Sir, most of the businessmen in Sarawak were unable to pay the turnover tax in a lump sum. Therefore, they have made requests to the Inland Revenue Department to be allowed to pay the tax by monthly instalments. Sir, it is gratifying to say that in most cases such requests have been approved, but only a short period of three to five instalments has been allowed. As this has caused great hardship to the traders, I would like to appeal to the Honourable Minister to give special consideration to those genuine cases where they are really unable to pay within the period required. Thank you, Sir.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Tuan Pengerusi, Supply Head S. 22 Perbendaharaan ini, ingin saya berchakap sedikit dalam bahathan ini ia-itu berhubung dengan keazaman dan usaha Kerajaan hendak berjimat chermat di-dalam soal kewangan. Biasa-nya, Tuan Pengerusi, kalau Kerajaan berkehendakkan satu² jawatan yang kosong atau hendak diadakan sa-suatu jawatan itu, Kerajaan mengeluarkan kenyataan atau iklan² di-surat² khabar dan menyatakan apakah jawatan yang di-kehendaki, kelulusan dan tangga gaji-nya. Saya perchaya bayaran iklan ini ada-lah memakan peruntokan wang yang banyak juga. Dengan sebab itu saya perchaya boleh kita perkechikkan peruntokan ini dengan di-kechikkan suangar ikhlan² itu (sukatan inchi).

Saya rasa ini pun satu daripada chara yang dapat kita memperkechikkan perbelanjaan kita yang mana sambil kita bekerja dan kita juga sambil dapat berjimat chermat di-dalam masaalah kewangan negeri kita ini. Sunggoh pun kechil tetapi kita sebutkan kenyataan² yang tertentu dan tepat, saya rasa kalau kechil sukatan inchi-nya sa-kali pun keterangan yang jelas jua dapat orang² yang membacha-nya dan faham maksud atau tujuan iklan yang kita keluarkan itu. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, dalam menyokong peruntokan Kementerian Kewangan ini saya hanya berchakap sedikit berhubung dengan muka surat 279, Butiran 75—Elaun Bahasa. Saya hendak tahu elaun bahasa ini bahasa yang mana di-berikan elaun pada hal \$4,230 akan di-jadikan bayaran. Tuan Pengerusi, saya faham tentu-lah elaun ini di-beri kepada orang² yang bukan Melayu ia-itu orang China, umpamanya dia orang Hailam, umpama-nya, tetapi dia tahu bahasa Kongfu—itu di-beri elaun. Kalau ini-lah elaun di-beri rasa saya patut-lah saya menchadangkan elaun yang sa-rupa ini patut di-hapuskan dan patut kita galakan elaun ini di-beri kepada orang yang faseh, orang yang mahir berchakap bahasa kebangsaan.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu muka 279 juga, berhubung dengan Elaun Khas 'Ta' Berpenchen bagi Pegawai Kastam (Penchegah)—Butiran (74), ini ada di-estimatekan \$149,100. Ini juga saya kurang faham. Saya berharap kalau mereka yang dapat ini bukan sa-bagai pegawai, apa salah-nya kita jadikan dia sa-bagai pegawai Kerajaan dan dia dapat penchen sa-kali.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu, oleh sebab negeri kita ini terdedah, senang orang² hendak memasokkan barang² chukai dalam negeri ini kerana negeri kita sa-olah² pulau—saya berchakap pada Butiran (62)—jadi kita dapat perhatikan keadaan negeri kita di-utara, di-selatan, di-timor dan di-barat, sangat senang mereka² boleh melarikan chukai terutama sa-kali

saperti yang telah di-bayangkan oleh rakan² saya tadi. Saya menhadangkan supaya dalam Butiran (62) (iv) saya perhatikan Kastam chuma ada 831 orang sahaja, ini patut di-tambah sa-berapa ramai lagi kerana mengawal di-sekeliling kawasan negeri kita bukan sahaja di-tambah tetapi hendak-lah di-naikkan gaji mereka itu. Kerana kita tidak mahu-lah umpama-nya kita mem-bela ayam—ayam betina boleh menge-luarkan telur, kita berkehendakkan hasil telur sahaja tetapi ayam itu di-beri kurang makan.

Jadi, saya berharap sangat² supaya Kementerian yang berkenaan dapat menimbangkan hal ini kerana pada pendapat saya tugas Pegawai² Kastam, terutama sa-kali mereka yang di-bawah, bekerja bermatian² tidak kira hujan, tidak kira panas tetapi pen-dapatan tidak begitu lumayan. Ini-lah harapan saya, kerana dengan jalan ini saya rasa hasil negeri ini akan lebeh bertambah oleh sebab telah pun di-terangkan tadi melarikan chukai ini, saya sendiri baharu balek daripada Padang Besar dan Sungai Golok, mudah sangat orang melarikan chukai ini. Jadi kalau hendak harapkan pegawai di-situ dengan yang ada in-lah, tidak menchukupi. Jadi saya ber-harap sangat supaya pehak Menteri yang berkenaan bukan sahaja kita beri pegawai kita ini kerja tetapi yang mustahak pembelaan kepada Kastam yang bekerja kuat yang kita sama² tahu sa-bahagian besar daripada hasil negara ini di-pungut daripada Jabatan Kastam. Terima kaseh.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Talib (Kuantan): Tuan Pengerusi, saya hanya hendak memberi sedikit pandangan berhubung dengan Kepala 22 dalam Bahagian Perbendaharaan. Perkara-nya ia-lah berkenaan dengan pegawai² di-dalam Jabatan Perbendaharaan. Jikalau saya tidak silap kira, pegawai² dalam berbagai peringkat di-dalam Jabatan Perbandaharaan ini—Ibu Pejabat ada sa-ramai 50 orang Pegawai M.C.S.—Assistant Secretaries 28, Principal Assistant Secretaries 11, kemudian ada pula lagi Under-Secretaries, ada Deputy Under-Secretaries, kemudian ada Tim-balan Controllers of Supply—2 orang,

Controller of Supply dan sa-terus-nya sa-hingga sampai-lah kepada Secretary Perbendaharaan.

Saya tidak-lah ada kebolehan hendak bertanya sama ada mustahak, atau tidak-nya bilangan sa-ramai itu, itu terpulang-lah kepada Menteri Kewangan sendiri, tetapi sunggoh pun bilangan pegawai² itu banyak, ada satu gulongan atau kumpulan pegawai yang sangat mustahak, saya fikir, yang tidak ada dalam peruntukan ini. Yang saya maksudkan ia-lah pegawai² yang mahir (specialist) yang boleh pergi keluar berunding berkenaan dengan loan daripada Aid-Malaysia-Club dan lain² lagi. Di-dalam ucapan Menteri Kewangan pada masa mengemukakan Supply Bill ini, ia ada menyatakan bahawa dalam tahun 1966 kita hanya mendapat pin-jaman luar negeri sa-banyak \$60 juta sunggoh pun dahulu daripada itu kita dengar macham² perundingan telah di-jalankan di-luar negeri dan ia mengaku² juga bahawa kesilapan-nya itu, ke-salahan-nya, kelambatan ini, bukan-nya fasal apa tetapi salah kita sendiri, kerana kita tidak ada chukup pegawai² yang chukup kanan yang specialist, yang mahir betul untuk kita hantar berunding dengan negeri² atau pun badan² antara bangsa yang sanggup hendak memberi bantuan dan pinjaman kepada kita. Jadi di-dalam perbelanjaan atau Rang Perbelanjaan Kemajuan itu, saya tengok banyak sangat item² yang di-tandakan untuk hanya boleh di-jalakan jikalau boleh mendapat bantuan daripada luar negeri. Jadi saya takut, jikalau bantuan daripada luar negeri lambat di-dapati sebab kekurangan pegawai² ini, neschaya rancangan kemajuan kita akan terbantut. Saya berharap-lah bahawa Kerajaan akan memberi timbangan yang istimewa berkenaan dengan lantekan pegawai² yang mahir, saya kata, sama ada daripada anak² Malaysia atau orang luar bagi membantu Menteri Kewangan.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, ia-lah Bahagian Pengatordara (Organisation and Methods Division). Saya perhatikan dalam bahagian ini ada dua chawangan—ada chawangan Malaysia Barat, ada chawangan Malaysia Timor. Saya tidak tahu sama ada Ketua

Chawangan Malaysia Timor itu dibawah perintah ketua yang ada di-Malaysia Barat ini. Jikalau tidak, kita dapat-lah keadaan satu kapal dua nakhoda dan sudah tentu-lah Organisation and Methods yang di-jalankan di-kedua² wilayah Malaysia ini akan berlainan. Jikalau begitu keadaan-nya, sudah tentu-lah kita tidak dapat bertemu di-dalam hal² mengator chara² mentadbirkan kedua² wilayah ini. Jadi saya berharap-lah jikalau sa-kira-nya dapat di-timbangkan Bahagian Organisation and Methods Division ini di-satukan sahaja supaya ada satu ketua-nya dan dengan ada satu ketua-nya dapat menjalankan satu system dengan jalan itu kedua² bahagian wilayah Malaysia Timur ini boleh bersatu di-dalam hal² pentadbiran kelak.

Yang kedua berkenaan dengan ini, saya agak bahawa bahagian ini tentu-lah hendak membetulkan kesilapan², chara² mentadbirkan pejabat² dan lain²-nya. Jadi dalam hal membetulkan ini macham² chara, Tuan Pengerusi. Ada sa-tengah orang dia membetulkan macham tikus hendak membaiki labu untuk yang sudah baik dia rosakkan semua sa-kali. Jadi saya berharap-lah perkara itu tidak berlaku di-dalam bahagian ini seperti yang berlaku dalam Bahagian Latehan Guru di-Kementerian Pelajaran.

Perkara yang keempat, Tuan Pengerusi, yang saya hendak sentoh ia-lah berkenaan dengan S. 23, Pechahan-kepala 5—Bantuan kepada Lembaga² Tempatan dan Chukai Tempatan (Contribution to Local Authorities in Aid of Rates). Saya agak ini tentu-lah bayaran yang di-buat oleh Kerajaan Persekutuan kepada Lembaga² Tempatan sa-bagai menggantikan assessment yang di-bayar oleh orang² yang dudok dalam Lembaga² Tempatan atas harta² Kerajaan Persekutuan yang ada dalam kawasan² Lembaga Tempatan itu. Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, ada satu perkara yang saya hendak kemukakan. Saya anggap bayaran ini di-buat kerana orang² yang mendudoki harta² Kerajaan Persekutuan dalam Lembaga² Tempatan itu, mendapat kemudahan yang di-adakan oleh Lembaga² Tempatan, seperti jalan² raya dan sa-bagai-nya. Jadi tidak-kah jumlah itu terlam-

pau banyak sa-telah kita menimbang-kan bahawa di-dalam Pechahan-kepala 19 itu juga ada pula Pemberian untuk Jalan Raya kepada Perbandaran dan Majlis Bandaran—ada \$4.8 juta kita beri untuk bantuan bagi membuat jalan² raya, dan berhubung dengan ini, kita tahu-lah dalam tiap² satu kawasan Lembaga Tempatan itu jalan raya-nya ada tiga jenis—ada tiga kumpulan; ada jalan raya Federal, ada bahagian jalan raya State, ada bahagian jalan raya Lembaga Tempatan. Kemudian biasa-nya jalan² raya Federal ini ada peruntukan yang khas yang di-berikan oleh Pejabat Perbendaharaan ini kepada Jabatan Kerja Raya untuk maintenance. Kemudian jalan² raya State yang ada di-dalam Majlis Lembaga Tempatan ini, Kerajaan Federal ada pula memberi grant kepada State roads. Jadi hanya yang tidak dapat hanya-lah sa-bahagian kecil ia-itu jalan² raya Lembaga Tempatan itu sendiri. Tidak-kah dengan jalan mengadakan ini Kerajaan Persekutuan terpaksa mengeluarkan dua kali belanja atas menjaga jalan² raya di-dalam kawasan Lembaga Tempatan. Saya berharap tidak, tetapi kalau ia, barangkali ini-lah satu jalan supaya dapat Perbendaharaan ini mengkaji sa-mula di-dalam National Finance Council. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, ada sa-banyak 19 Ahli² Yang Berhormat berchakap dan, sa-berapa dapat, saya akan menjawab tiap² perkara yang penting yang telah di-sebutkan oleh Ahli² Yang Berhormat. Tetapi walau pun begitu untuk memulakan jawapan saya, saya menguchapkan berbanyak² terima kaseh kepada Ahli² Dewan ini yang telah memberikan ulasan² atau pandangan² atau shor² yang membena untuk memperbaiki lagi dan untuk memajukan lagi pentadbiran negeri kita, terutama sa-kali bagi Kementerian Kewangan, yang kerja-nya pada sa-bahagian besar, mendapatkan wang untuk negara kita dan untuk memajukan negara kita. Atas segala fikiran, pandangan, shor dan sa-bagai-nya itu, saya menguchapkan berbanyak² terima kaseh.

Yang Berhormat daripada Besut yang mula² berchakap tadi, mengatakan kenapa-kah Kementerian Kewangan

menambahkan pegawai²-nya, padahal menjadi dasar Kerajaan sekarang ini untuk membekukan jawatan² Kerajaan—tidak-kah ini bertentangan dengan dasar Kerajaan? Bagi menjawabnya, yang sa-benar-nya tambahan² pegawai yang di-buat di-dalam Kementerian Kewangan ini ada-lah pada jumlah yang minimum sa-kali yang di-perlukan untuk melichinkan lagi perjalanan Kementerian Kewangan, sama ada Perbendaharaan-nya, Jabatan Kastam-nya, Jabatan Hasil Dalam Negeri-nya dan lain² lagi. Jadi jika tidak di-tambah ini, maka beberapa perkara tidak dapat kita jalankan dengan chekap.

Sa-bagai mithalan-nya, tadi Ahli Yang Berhormat daripada Kuantan ada menyentoh, ia-itu kita perlukan lagi pegawai² untuk memperoseskan tawaran² bantuan daripada negeri² dalam Aid Malaysia Club. Pada masa ini kita telah dapat beberapa tawaran bantuan daripada beberapa buah negeri, khas-nya melalui Aid Malaysia Club, tetapi oleh kerana kita kekurangan pegawai² untuk memperoseskan ini, maka terpaksa-lah lambat dapat di-selesaikan masaalah tawaran pinjaman atau loan, atau aid daripada negara² tersebut. Jadi kalau Ahli Yang Berhormat dari Besut faham akan bagaimana mentadbirkan Kerajaan dengan lichin-nya, ya'ani tidak-lah sa-bagaimana Yang Berhormat Ahli daripada Besut itu mentadbirkan Kerajaan negeri Trengganu pada satu masa dahulu, maka beliau akan sedar-lah betapa penting-nya tambahan pegawai² ini. Tetapi sa-panjang pengetahuan saya, Ahli Yang Berhormat daripada Besut itu pernah menjadi Menteri Besar Trengganu dan pentadbiran negeri Trengganu pada ketika itu **beku dan tidak berjalan**—sebab-nya beliau tidak dapat memahami keperluan² pentadbiran.

Ahli Yang Berhormat daripada Besut juga menyentoh tentang S. 23 Butiran (34) dan (35), mengenai Bantuan Pinjaman² kepada Lombong² China. Bantuan ini sa-benar-nya di-mulakan sa-lepas perang dunia yang kedua ya'ani pada masa perang lombong² tidak berjalan dan pada ketika itu, umum-nya lombong² ini, sama ada di-punyai oleh company² daripada Eropah

atau Amerika yang besar², yang kaya dan yang kuat kewangan-nya atau pun di-punyai oleh orang² di-dalam negeri ini yang umum-nya di-punyai oleh orang² China. Sebab itu-lah dasar Kerajaan pada ketika itu untuk membantu pelombong atau pun kompeni² lombong daripada orang² yang di-dalam negeri ini, yang umum-nya pada ketika itu orang² China. Walau bagaimana pun perkara bantuan ini ia-lah satu perkara yang sudah hampir tamat ya'ani menunggu penggulongan-nya sahaja, jadi tidak-lah merupakan satu perkara yang penting dan peruntokan yang ada bagi tahun 1967 ini ada-lah untuk pentadbiran Pejabat Setia-usaha atau Secretariat-nya untuk menguruskan kerja² menggulong kerja² membantu lombong² bijeh timah yang telah hampir tamat ini.

Kemudian Ahli Yang Berhormat daripada Besut juga bertanya kenapa di-sewa mesin kira² dan beliau meragukan atau shak mungkin ada sa-suatu di-sa-balek menyewa ini. Yang sa-benar-nya, kenapa kita menyewa ia-lah kerana ini untuk sementara waktu, sementara kita hendak membeli elektronik computer. Jadi daripada kita membeli mesin kira² yang kechil dan yang chekap-nya tidak sa-bagaimana elektronik computer itu, maka untuk sementara waktu, itu-lah kita menyewa mesin kira² ini dan tidak ada-lah sa-barang apa sa-bagaimana yang di-shak oleh Ahli daripada Besut. Juga mungkin ada sa-suatu—sebab kadang² orang ini bila dia shakkan orang lain, mungkin dia pun sudah biasa macham itu. Jadi saya takut-lah ini-lah juga yang berlaku pada Ahli kita daripada Besut, ya'ani mengukor baju orang lain di-badan-nya sendiri.

Kemudian Ahli Yang Berhormat daripada Johor Baharu Timor menghendakkan kawalan² lebeh ketat terhadap wang dan harta Kerajaan. Ini memang-lah di-buat oleh Kerajaan dan tiap² pegawai yang chuai daripada menjaga harta dan wang Kerajaan itu adalah di-kenakan tindakan disiplin atau di-kenakan *surcharge*—bayaran ganti-rugi. Jadi tidak-lah pegawai² itu di-lepaskan begitu sahaja. Walau pun begitu tidak-lah bererti bahawa pehak Kerajaan, khas-nya pehak Kementerian

Kewangan, chuai sama sa-kali dalam hal ini.

Tentang membeli alat² kelengkapan pejabat, terutama sa-kali bagi Jabatan² Federal, pada masa ini pembelian yang lebih daripada \$500 ada-lah di-buat sa-chara Tender melalui Tender Board, jadi tidak-lah di-buat dengan sa-suka hati oleh sa-barang pegawai.

Tentang kontrek membeli minyak petrol atau sa-bagai-nya daripada sharikat² sa-lama satu tahun dan beliau mengeshorkan tiga tahun, saya tidak nampak-lah apa bedza-nya untong tiga tahun dan rugi-nya sa-tahun. Pada saya yang saya nampak kalau sa-kira-nya dalam masa sa-tahun kontrek itu tidak memuaskan dan merugikan Kerajaan atau kurang menguntungkan Kerajaan, maka lekas² kita dapat potong kontrek itu. Tetapi kalau tiga tahu sudah banyak rugi, baharu-lah dapat kita potong. Jadi pada pandangan saya, yang sa-tahun ini-lah yang lebih menguntungkan daripada tiga tahun.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Baharu Timor): Berkenaan dengan membeli alat kelengkapan pejabat, bukan-nya saya kuat mengatakan ia-itu tiap² pejabat itu suka hati membeli alat² kelengkapan pejabat. Saya menhadangkan supaya kita mengikut langkah yang di-buat oleh Kerajaan Australia sana, ia-itu kelengkapan itu di-adakan satu badan dan di-bagikan kepada tiap² pejabat di-negeri² yang hendak menggunakan kelengkapan itu. Jadi dengan sa-chara itu kita dapat mengechilkan perbelanjaan, kerana membeli kelengkapan.

Kalau wang itu di-bagikan kepada tiap² pejabat dan di-bagikan tiap² negeri, masing² membeli dengan sharikat, memang dengan chara tender, tetapi perbelanjaan ini lebih besar. Jadi ini saya menhadangkan, kerana kita nampak Kerajaan Australia telah membuat satu badan untuk membahagikan kepada seluruh pejabat² yang hendak menggunakan alat² kelengkapan di-pejabat itu.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Yang sa-benar-nya apa yang kita buat di-sini

ada-lah kira² sama, ya'ini di-beli melalui sistem Pusat (Central) chuma chara-nya berlainan sedikit. Kita chara tender board dan di-Australia itu chara lain sedikit. Tetapi walau bagaimana pun perkara ini akan di-timbang-kan juga ia-itu jika di-dapati chara kita ini kurang elok atau chara Australia itu lebih elok, mungkin pada satu masa kita akan menimbang-kan.

Kemudian Ahli Yang Berhormat daripada Johor Baharu Timor juga mengeshorkan supaya di-tambah pegawai² untuk menchegeh penyeludupan barang² di-Selat Tebrau. Jadi tentang ini pehak Kementerian memang-lah menambah pegawai²-nya. Saya rasa kalau kita tengokkan dengan teliti-nya di-dalam anggaran perbelanjaan ini pun kita dapati perkara ini di-tambah. Dan chuma satu sahaja saya hendak menambah ya'ani sa-bagaimana yang telah di-serukan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Selatan tadi ia-itu mengharap-kan kerjasama daripada orang ramai untuk memberikan ma'alumat², sama ada kepada pegawai² kastam tempatan atau pun ka-mana juga pehak yang berkenaan hatta kepada pehak Kementerian Kewangan sa-kali pun.

Saya biasa juga mendapat rungutan atau pun complain² daripada orang², tetapi biasa-nya complain atau rungutan atau tuduhan ini berapa chakap² angin sahaja. Dan kalau bertulis pun tidak ada sa-suatu yang tegas yang dapat kita pegang—jadi ini menyulitkan kita. Jadi saya berharap-lah pehak orang ramai di-dalam negeri ini, jika mengetahui ada-nya penyeludupan atau apa² juga yang merugikan negara, silalah berikan ma'alumat kepada pehak kastam atau pehak² yang lain yang berkenaan supaya dapat kita ambil tindakan.

Saya pernah bertemu dengan satu orang yang marah²kan kepada Kementerian Kewangan kerana penyeludupan di-Johor. Dan saya jawab surat-nya meminta keterangan² yang tegas. Dia jawab sila-lah datang berjumpa dia. Bila saya turun ka-Johor berjumpa dia, datang-lah ka-rumah dia berbual² kata dia. Saya kata ini perkara penye-ludupan bukan perkara bual² dan saya

minta dia menghantar keterangan atau ma'alumat yang tegas supaya dapat kita pegang dan sampai hari ini kira² tiga empat bulan saya tidak terima satu apa benda pun. Ini-lah contohnya sa-bahagian daripada ra'ayat jelata kita yang tahu bising² sahaja, tetapi bila di-minta membuatkan sa-suatu yang konkrit untuk membena, tidak dapat di-laksanakan. Jadi saya berharap-lah supaya kerjasama ini bukanlah sa-takat di-dalam Dewan ini sahaja, tetapi dapat di-laksanakan di-luar juga.

Ahli Yang Berhormat daripada Muar Dalam mengeshorkan supaya pegawai² kastam di-Causeway di-tambah dan juga tempat pemereksaan dan urusan kastam di-Causeway itu di-perbesarkan lagi. Perkara ini memang-lah telah disedari oleh Kementerian Kewangan dan perkara ini sekarang sedang di-jalankan penyiasatan bagaimana charanya kita hendak membesarkan lagi tempat kastam di-Causeway itu. Jadi apabila sampai masa-nya insha Allah perkara ini akan dapat kita atasi. Dan tentang tambahan pegawai di-Kastam Johor Baharu pun akan di-tambah.

Ahli Yang Berhormat daripada Kota Star Selatan mengeshorkan supaya Kerajaan memberhentikan atau menghadkan kemasokan barang² daripada negeri China Kominis. Dasar perdagangan Kerajaan kita ia-lah kalau kita hendak membeli barang, kita membeli barang daripada negeri yang dapat menjualkan kepada kita dengan samurah²-nya barang itu dan kalau kita hendak menjual barang kita, kita akan menjual barang² kita itu dengan harga yang sa-mahal²-nya yang kita boleh dapati dengan syarat perdagangan ini tidak-lah merosakkan kilang² atau perusahaan² atau ekonomi negeri kita. Ini-lah dasar kita. Dan dalam hal barang² negeri China ini, mithal-nya tentang textile, kita berpendapat ini merosakkan atau menghalang kemajuan perusahaan textile kita—kain² dan sa-bagai-nya, maka kita larang kemasokan-nya.

Tentan^o propaganda bahawa orang akan terlihat di-negeri China, sava rasa ini pun navah juga hendak diterima oleh akal kita, oleh kerana

boleh di-katakan kalau kita tidak pun tengok barang² daripada negeri China, hari² kita bacha dalam surat khabar tentang berita negeri Kominis China, hari² kita dengar di-radio dan tengok di-talivishen tentang berita² negeri China. Jadi tidak dapat-lah saya rasa untuk di-tutup mata atau telinga ra'ayat kita daripada tahukan perkara² yang di-negeri China. Jadi soal-nya dalam hal perniagaan ini ia-lah dasar kita, kita akan membeli barang² daripada negeri mana sa-kali pun asalkan yang sa-murah²-nya untuk merengankan harga bagi ra'ayat dan menjualkan barang² kita dengan harga yang samahal² yang dapat kita jual kepada negeri mana juga, dengan sharat kita melindongi kepentingan ra'ayat kita, kepentingan perusahaan kita, kepentingan pertanian kita dan sa-bagai-nya. Ini-lah dasar kita di-dalam perniagaan.

Ahli Yang Berhormat daripada Bagan dan juga daripada Pulau Pinang Selatan berharap supaya Kastam bekerja sa-lama 24 jam dalam satu hari di-Butterworth untuk memudahkan perjalanan orang keluar masuk dan membayar chukai². Pada masa ini memang-lah pegawai² Kastam untuk bekerja 24 jam di-Butterworth ini, kita kekurangan orang. Jadi kalau hendak di-adakan juga, kita terpaksa mengenakan bayaran overtime. Pada mengenakan bayaran overtime di-sana, sa-bagaimana yang di-buat di-Causeway di-Johor Baharu—tetapi yang di-Butterworth ini pehak Penang Port Commission pada satu masa dahulu tidak dapat menyetujui bayaran overtime bagi pegawai² yang bekerja—jadi jika sa-kira-nya terchapai persetujuan bahawa orang² yang lalu pada masa lepas waktu ini sanggup membayar elaun overtime kepada pegawai² yang berkenaan, maka perkara ini dapat-lah di-timbangan.

Sekarang saya sampai pula kepada Ahli Yang Berhormat daripada Batu yang pada pagi ini marah² sangat tentang padang golf yang ada di-dalam kawasan Parlimen ini. Sava pun tahu-lah Ahli Yang Berhormat daripada Batu ini memang suka marah², suka berchakat kuat² dan suka membidas di-dalam Parlimen ini. Tetani chuma satu sahaja yang saya kesalkan pada

pagi tadi, bahawa beliau tidak menyiasat lebih dahulu, bagaimana-kah padang golf di-sekeliling Parlimen ini di-buat.

Yang sa-benar-nya padang golf dalam kawasan Parlimen ini di-buat tidak melibatkan sa-barang perbelanjaan Kerajaan, sama ada melalui Kementerian Kewangan atau pun melalui peruntukan Parlimen. Kerja²-nya itu di-buat oleh pekerja² Parlimen dan rumput yang di-dapati untuk padang golf ini ia-lah dengan hadiah daripada Sentul Golf Club. Jadi ini tidak-lah melibatkan sa-barang perbelanjaan bagi Kerajaan. Jadi saya berharap-lah kalau Ahli Yang Berhormat daripada Batu itu ada, saya harap-lah lain kali, kalau hendak buat kechaman, siasat-lah lebih dahulu tentang beberapa perkara yang berkenaan dengannya. Di-sini patut-lah saya nyatakan ia-itu pembenaan padang golf ini tidak-lah melibatkan perbelanjaan pada Kerajaan sama ada melalui mana² peruntukan sa-kali pun.

Kemudian Ahli Yang Berhormat daripada Batu itu juga membuat kechaman tentang lambat-nya account atau kira² Kerajaan Pusat bagi tahun 1965. Ini ada-lah di-sebabkan beberapa hal ia-itu sa-tengah² Negeri lambat sedikit menghantar kira²-nya atau account-nya kepada Kerajaan Pusat, oleh kerana berbagai² hal yang tidak dapat di-elakkan, mithal-nya Negeri itu terlalu besar, sulit perhubungan dan sa-bagai-nya dan oleh kerana itu lambat-lah Kerajaan Pusat menerima kira² itu dan terpaksa-lah lambat Kerajaan Pusat menyiapkan Penyata Kira²-nya. Tetapi walau bagaimana pun dapat-lah saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat daripada Batu itu bahawa tidak ada-lah sa-barang kekacauan tentang wang ringgit Kerajaan atau harta Kerajaan oleh kerana lambat-nya Penyata Kira² ini.

Tentang Ahli Yang Berhormat daripada Batu juga berchakap mengenai perkara gaji pegawai dan kaki-tangan Pejabat Accountant-General telah dirompak, perkara ini sedang di-siasat oleh Kerajaan dan langkah² keselamatan yang lebih ketat lagi akan diambil pada masa hadapan.

Kemudian saya sampai pada satu perkara yang nampak-nya Ahli Yang Berhormat tadi sangat marah pada pagi tadi ya'ani maintenance allowance—elaun menyelenggarakan rumah kediaman Menteri—Menteri Kewangan khas-nya dan juga Menteri² lain. Mula² sa-kali elok saya jawab bagi perkara rumah kediaman Menteri Kewangan. Yang sa-benar-nya bertambah-nya perbelanjaan atau peruntukan itu tidak-lah berapa banyak dan tidak-lah sa-padan dengan kehebohan, dengan kemarahan Ahli Yang Berhormat itu pada pagi tadi. Bertambah-nya ya'ani S. 22 Pechahan-kepala 12 bertambah-nya \$1,150 sahaja bagi tahun 1967 dan pertambahan ini bukan-nya oleh kerana bertambah-nya nikmat hidup Menteri Kewangan dan juga Menteri² lain dari segi tempat² kediaman mereka itu. Pertambahan ini adalah sa-mata² kerana bertambah-nya gaji pekerja² I.M.G. (Industrial and Manual Group of Workers). Jadi saya tidak pun faham. Apabila pekerja² menuntut tambahan gaji, maka bangun-lah Ahli Yang Berhormat daripada Batu itu memperjuangkan tambahan gaji mereka, tambah gaji buroh dan apabila pihak Kerajaan menambahkan gaji buroh², maka beliau menentang pula di-dalam Dewan ini. Jadi di-sini nampak-lah opportunism orang² yang menda'awa yang menamakan atau yang menda'awa atau parti-nya yang menda'awa bahawa mereka memperjuangkan nasib ra'ayat jelata, mereka yang memperjuangkan nasib buroh. Apabila kita telah menaikkan sa-banyak \$12.50 satu bulan sa-orang gaji pekerja² I.M.G. maka bertambah-lah peruntukan dan bila kita meminta peruntukan maka beliau menentang. Jadi nampak-nya bila berhadapan dengan buroh², Ahli Yang Berhormat dari pada Batu yang menda'awa sa-bagai Parti Socialist, sa-bagai sa-orang socialist, yang menda'awa sa-bagai sa-orang yang memperjuangkan nasib orang² bawah, tetapi dalam Dewan ini menentang peruntukan itu. Chuma kalau beliau ada di-sini, saya ingin mengemukakan kepada beliau, apakah sa-sunggoh-nya beliau menentang kenaikan gaji pekerja² I.M.G.? Kalau sa-kira-nya beliau menentang, maka

sebutkan terang² dan beritahu buroh seluroh negeri ini bahawa beliau menentang kenaikan gaji. Jadi di-sini jelas-lah bahawa Parti² Pembangkang yang menda'awa memperjuangkan nasib kaum buroh, kaum pekerja dan sa-bagai-nya, ada-lah menggunakan kaum² ini sa-bagai alat untuk memenangi beberapa buah kerusi, pada hal yang sa-benar-nya mereka tidak jujur dan tidak consistant di-dalam perjuangan mereka itu.

Ahli Yang Berhormat daripada Batu juga menyentoh perkara berkenaan dengan road block atau empang jalan yang di-kenakan oleh polis di-Johor Baharu sa-bagai satu pengakuan tentang kegagalan pehak kastam. Yang sa-benar-nya pehak kastam ia-lah sangat kekurangan pegawai dan oleh kerana itu pehak polis telah memberi pertolongan untuk menjalankan road block untuk menchegeh penyeludupan² yang berlaku di-sa-belah Johor Baharu. Jadi ini tidak-lah sama sa-kali berma'ana bahawa pehak kastam telah gagal, tetapi ada-lah merupakan kerjasama antara dua Jabatan—Jabatan Polis dan Jabatan Kastam dan dalam hal ini apabila pehak kastam kekurangan pegawai, maka pehak Jabatan Polis memberi kerjasama. Patut di-ingat ada beberapa tempat di-Johor Baharu yang boleh di-gunakan untuk menyeludup dan pehak kastam bekerja dengan sa-kuat²-nya untuk menchegeh penyeludupan ini. Jadi tuduhan yang di-lemparkan oleh Ahli Yang Berhormat Ahli daripada Batu itu ada-lah sama sa-kali tidak benar.

Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Bintang telah berchakap mengenai perkara accountant dalam negeri ini dan oleh kerana ucapan-nya agak panjang dan di-beri dalam bahasa Inggeris, saya rasa elok-lah juga saya beri jawapan dalam bahasa Inggeris ini ia-itu

The Registration of Accountants Bill is in draft form and should be ready for presentation to Parliament later this year. The Bill is intended to provide strict measures for the regulations of accountants for which the Honourable Member for Bukit Bintang has asked the Government in order to

ensure that all accountants working in Malaysia will have attained a high standard of professional competence. I would not agree that there is an abundance of qualified Malaysian accountants—there are many, but the evidence in hand would appear to indicate that there is a serious shortage. Government still has seven vacancies for accountants, qualified in the terms of the Schemes of Service of the Corps of Accountants, that is, with qualifications to a similar standard to that of the Institute of Chartered Accountants of England and Wales, or of the Malaysian Association of Certified Public Accountants. Recent recruiting exercises have been unsuccessful. Firms in practice are finding it necessary to raise the starting salary offered to newly qualified accountants in the face of the higher salary offered by the commercial sector. From my own observation, I would say that no properly qualified Malaysian accountant should have any difficulty in obtaining employment either in the Government or in the private sector.

The proposal by the Honourable Member for Bukit Bintang, that non-Malaysians should be restricted, is right in principle, and will be followed when conditions warrant it—that is, when it is clear that they are putting Malaysian qualified accountants out of work or preventing them from obtaining employment. In my opinion, these conditions do not obtain and will not do so for a few years yet. The need for qualified accountants in Malaysia at the moment is very great.

Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong berharap supaya Jabatan Perkhidmatan Rahsia (*Secret Service*) di-dalam Kementerian Kewangan ini di-perbaiki lagi; bagitu juga tentang latehan kapada Pegawai² Kastam di-Maktab Latehan Pegawai di-Melaka. Pandangan ini memang-lah Kerajaan sentiasa mengambil berat ia-itu untuk memperbaiki, untok mengkemaskan dan untok lebeh menchekapkan lagi pekerjaan Jabatan² atau pegawai² yang di-bawah-nya.

Ahli Yang Berhormat daripada Hilir Perak juga menyentoh tentang perkara kemasokan barang² daripada Negeri

China Kominis, tetapi perkara ini tadi telah saya jawab ya'ani sa-masa saya menjawab ucapan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Kota Star Selatan. Sa-lain daripada itu Ahli Yang Berhormat daripada Hilir Perak juga menyentoh perkara menggalakkan membuat filem² di-dalam negeri ini. Dasar Kerajaan pada masa ini memang-lah menggalakkan perusahaan filem tumbuh dan berkembang di-dalam negeri kita ini dan Kerajaan telah pun mengambil langkah yang tertentu mithal-nya mengikut *Cinematograph Film Hire Duty Act 1965*, di-situ terdapat-lah beberapa langkah yang memberikan beberapa keistimewaan tentang pembayaran cukai dan lain² lagi supaya dapat-lah perusahaan² dalam negeri ini di-berikan layanan² yang lebeh daripada perusahaan filem di-luar negeri. Jadi, kalau hendak di-terangkan tentang Undang² ini, saya rasa panjang sangat dan saya berharap-lah Ahli Yang Berhormat daripada Hilir Perak itu dapat menengok Undang² yang bernama *Cinematograph Film Hire Duty Act 1965*, untuk mendapatkan keterangan² yang lebeh lanjut tentang langkah² kita memberikan perlindungan atau layanan yang istimewa kepada perusahaan filem tempatan kita.

Ahli Yang Berhormat daripada Johor Baharu Barat mengulang tentang tambahan pegawai. Saya rasa perkara ini saya sudah sentoh tadi, tidak payah-lah saya jawab lagi tambahan pegawai di-Johor Baharu; dan juga Ahli Yang Berhormat daripada Johor Baharu Barat itu menyentoh perkara cukai sa-banyak dua sen satu paun yang dikenakan kepada getah. Sa-bagaimana kita ketahui cukai² getah ada-lah dikenakan mengikut peratoran² yang tertentu.

Perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Johor Baharu Barat itu ada-lah berdasarkan sedikit kekeliruan ia-itu cukai dua sen satu paun yang kita kenakan itu ia-lah kepada getah² *unpacked rubber* ya'ani getah yang tidak di-ikat. Jadi kita kenakan cukai tambahan dua sen sa-paun ini kepada getah² yang tidak di-pack itu tadi ia-lah oleh kerana kita hendak menggalakkan sharikat² supaya

mengikat atau supaya pack getah² sa-belum di-export keluar negeri dan dengan demikian supaya bertambah-lah orang yang mendapat pekerjaan di-dalam negeri ini. Sebab itu-lah kita kenakan cukai tambahan sa-banyak dua sen sa-paun kepada getah² yang tidak di-pack yang di-export itu.

Tentang perusahaan kayu balak, Ahli Yang Berhormat daripada Johor Baharu Barat menchadangkan supaya di-buat rancangan dari sekarang untuk menggalakkan perusahaan² kayu dan mengurangkan export kayu² balak sa-chara mentah (*raw*) keluar negeri. Yang sa-benar-nya duty atau *export duty* kepada kayu² balak yang di-export raw keluar negeri ini ada-lah menjadi suatu langkah menggalakkan kepada kita, kepada perusahaan² balak khas-nya dan kepada kilang² supaya memproses-kan kayu²-nya terlebih dahulu di-dalam negeri kita ini dan kemudian apabila sudah di-peroses baharu-lah di-hantar bagi export keluar negeri. Jadi langkah sa-bagaimana yang di-shorkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Johor Baharu Barat itu sudah memang kita jalankan ia-itu dengan mengenakan cukai kepada export kayu balak mentah.

Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Pinang Selatan meminta Pegawai² Kastam di-Butterworth bekerja 24 jam sa-hari. Saya sudah jawab perkara ini dan tak payah-lah saya jawab lagi dan beliau mengemukakan juga perkara barang² untuk *re-export*, untuk di-exportkan sa-mula supaya jangan dikenakan cukai. Yang sa-benar-nya barang² yang di-masokkan ka-Pulau Pinang untuk di-exportkan sa-mula tidak-lah di-kenakan cukai ya'ani di-kechualikan dari pada surtax.

Tentang perkara cukai telor yang keluar dari Pulau Pinang masok katanah besar, ini ada-lah dengan permintaan orang² yang berternak dan mengeluarkan telor itu. Pada masa ini telor yang di-keluarkan daripada tanah besar ini dan di-bawa masok ka-Pulau Pinang ada-lah di-kenakan tiga sen sa-biji cukai-nya dan oleh kerana itu maka orang² yang berternak telor di-tanah besar ini meminta supaya dikenakan pula cukai kepada telor yang

di-keluarkan daripada Pulau Pinang dan di-bawa masuk ka-tanah besar. Ini ada-lah dengan kehendak orang² yang berternak dan yang mengeluarkan telur itu sendiri supaya ada-lah perasingan atau pun *competition* yang adil kepada penternak² yang di-dalam Pulau Pinang itu sendiri dengan yang di-dalam tanah besar termasuk-lah juga di-Seberang Prai.

Pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Selatan tentang keselamatan Pegawai² Kastam dan Eksais yang bertugas, terutama sa-kali pegawai² dalam Bahagian Preventive, maka pandangan itu saya rasa ada-lah diambil perhatian oleh pehak Kerajaan.

Bagitu juga pandangan Ahli Yang Berhormat dari Raub tentang keselamatan pegawai² yang bekerja yang mengalami keadaan² yang susah dan sulit atau merbahaya, maka perkara ini ada-lah pehak Kerajaan menentukan supaya tiap² pegawai yang menggunakan alat² Kerajaan dalam menjalankan kerja, maka keselamatan mereka itu sa-berapa boleh memang-lah di-ikhtiarkan supaya chara mereka bekerja itu selamat. mithal-nya tentang menggunakan bot, menggunakan apa² alat yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan mengeshorkan supaya gaji pegawai dan kakitangan kastam ditambah dan juga di-tambah orang-nya. Saya rasa memang perkara menambah pegawai dan kakitangan kastam adalah kita buat ya'ani sesuai-lah dengan keadaan kewangan negara. Tentang tambah gaji-nya itu saya rasa perkara ini ada-lah di-dalam urusan Surohanjaya Menyusun Sa-mula Gaji. Menambah atau apa juga mengenai gaji pegawai² dan kakitangan Kerajaan—perkara ini pehak Surohanjaya Menyusun Sa-mula Gaji sedang menim-bangkan.

Saya rasa ini-lah sahaja yang saya hendak jawab, dan pandangan² yang kalau tertinggal, maka pandangan² itu yang sa-benar-nya tidak-lah di-lupakan. tetapi ada-lah di-ambil perhatian oleh pehak Kerajaan, dan jika di-perlukan keterangan² lebeh lanjut, maka pehak Kementerian Kewangan sanggup-lah memberi keterangan² yang lebeh lanjut

jika ada perkara² yang tertinggal dalam jawapan saya pada petang ini.

Question put, and agreed to.

The sums of \$4,402,047 for S. 22, \$29,362,705 for Head S. 23, \$65,200,000 for Head S. 24, \$12,832,055 for Head S. 25, \$3,406,887 for Head S. 26, \$275,571 for Head S. 27, \$6,788,676 for Head S. 28 and \$1,069,877 for Head S. 29 ordered to stand part of the Schedule.

Mr Chairman: Meshuarat ini ditangguhkan sa-lama 15 minit.

Sitting suspended at 5.30 p.m.

Sitting resumed at 5.45 p.m.

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

House immediately resumed itself into Committee of Supply.

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

Head S. 30—

The Minister of Health (Tuan Bahaman bin Samsudin): Tuan Pengerusi saya bangun membentangkan Kepala S. 30 yang berjumlah sa-banyak \$139,814,961 ia-itu Anggaran Perbelanjaan Kementerian saya untuk tahun 1967. Ahli² Yang Berhormat akan mendapati bahawa Anggaran Perbelanjaan Persekutuan tahun ini ada-lah berjumlah \$139,814,961 berbanding dengan peruntokan sa-banyak \$123,337,630 dalam tahun 1966. Ini menunjukkan kelebihan sa-banyak \$16,477,331.

Di-bawah Gaji terdapat peruntokan tambahan sa-banyak \$7.95 juta. Ini bukan sahaja untuk kenaikan gaji yang biasa bagi kakitangan² yang ada sekarang, elaun² pakar untuk Pegawai² Perubatan dan elaun² khas untuk Pegawai² dalam Bahagian IV yang telah pun di-persetujui oleh Kerajaan baharu² ini, tetapi juga untuk menambah lagi bilangan Pegawai² dalam perjawatan oleh sebab lebeh banyak lagi kakitangan² di-kehendaki untuk perkhidmatan luar bandar yang makin meluas dan juga untuk menambah perkhidmatan perubatan yang ada sekarang. Tambahan bilangan jawatan ia-lah untuk memenohi sa-jumlah 1,773 jawatan² baharu. 1,734 jawatan² di-negeri² Tanah Melayu dan 39 jawatan

di-Sarawak. Di-antara jawatan² yang penting yang akan di-tambah ia-lah:

	Negeri ² Tanah Melayu	Sarawak
Pegawai ² Perubatan dan Per-gigian	14 orang	4 orang
Ahli ² Kimia Ubat	8 ..	—
Juru-rawat ² (semua bahagian)	760 ..	11 ..
Merinyu Kesihatan Umum ..	18 ..	2 ..
Pembantu ² Rumah Sakit ..	180 ..	—
Pembanchoh ² Ubat	60 ..	1 ..
Bidan ²	124 ..	2 ..

Di-bawah Lain² Perbelanjaan Ber-ulang Tiap² Tahun—terdapat tambahan lebeh kurang \$11.3 juta. Sa-bahagian besar daripada-nya ia-lah peruntokan baharu perbelanjaan bagi Rumah Sakit Latehan Universiti Malaya dan kenaikan gaji dan elaun² perumahan kakitangan² gaji hari. Sa-lain daripada \$9 juta yang di-khaskan untuk Rumah Sakit Latehan, maka terdapat chuma sadikit sahaja perubahan dalam sa-tengah² Pechahan-kepala di-bawah Kepala ini. Saya lebeh suka supaya peruntokan ini di-tambah lagi dengan meluas-nya perkhidmatan perubatan, tetapi tidak boleh berbuat demikian sekarang di-sebabkan kewangan terhad, kehendak untuk menjimat-chermat dan kekurangan kakitangan² yang berkela-yakan.

Di-bawah Perbelanjaan Khas—Ahli² Yang Berhormat akan dapat mem-perhatikan, ia-itu kira² \$2.8 juta telah di-kurangkan. Sa-bahagian besar dari-pada kekurangan ini ia-lah di-sebabkan oleh tidak ada-nya lagi setor² dharurat simpanan di-sebabkan konfrantasi telah tamat.

Keadaan Kesihatan 'Am—Tatkala menoleh kembali tahun 1966, saya berasa bangga mengumumkan kepada Dewan ini, bahawa kesihatan pen-duduk² di-Malaysia pada 'am-nya ada-lah bertambah baik. Tekanan dan kesan² perkhidmatan kesihatan kita ka-atas ibu² dan kanak² sungguh menyukakan. Bilangan kematian dan yang terkena penyakit² berjangkit di-kalangan ibu² kita dan kanak², pada 'am-nya telah berkurangan. Anggaran pertengahan tahun, bilangan penduduk² Malaysia ada-lah 8,035,530 dalam tahun 1965 di-bandingkan dengan 7,810,205 dalam tahun 1964. Angka kematian telah turun daripada 8.1 dalam tahun 1964 kepada 7.9 dalam tahun 1965, bagi

tiap² sa-ribu penduduk. Angka ke-kematan kanak² juga telah turun dari 57 bagi tiap² sa-ribu orang anak yang lahir hidup dalam tahun 1963 kepada 48 bagi tiap² sa-ribu orang anak yang lahir hidup dalam tahun 1964. Bagai-mana pun angka ini telah meningkat naik sadikit ka-50 bagi tiap² sa-ribu orang anak yang lahir hidup dalam tahun 1965. Kenaikan dalam angka kematian ini bagi tahun 1965 ada-lah di-sebabkan oleh bilangan yang beranak telah turun daripada 305,679 dalam tahun 1964 kepada 295,155 dalam tahun 1965. Angka² mu'tamad bagi kematian kanak² dalam tahun 1964 ia-lah 14,803 di-bandingkan dengan 14,765 pada tahun 1965.

Pada hari ini terdapat sa-banyak 39 buah Pusat² Kesihatan, 135 buah Pusat² Kesihatan Kechil dan 664 buah Kelinik² bidan yang menjalankan per-khidmatan di-Malaysia Barat di-bandingkan dengan 8 buah Pusat² Kesihatan, 8 buah Pusat Kesihatan Kechil dan 26 buah Kelinik Bidan dalam tahun 1960. 5 buah Pusat² Ke-sihatan Kechil dan 10 buah Kelinik Bidan lagi sedang di-bena dan di-jangka akan siap dalam tahun 1967. Di-samping itu ada terdapat 283 Dispensari dan 155 Dispensari Berkereta.

Banyak lagi orang² yang tinggal di-kawasan² luar bandar sekarang yang meminta rawatan dan nasehat per-ubatan moden, dan kedatangan mereka ka-kelinik² makin sa-hari sa-makin ber-tambah.

Jumlah kedatangan di-kesemua Ke-linik² Luar Bandar:

1960	1965	Kenaikan-nya
1,808,796	2,540,051	40.43

Jumlah kedatangan di-Dispensari² dan Dispensari² Berkereta:

1960	1965	Peratusan Kenaikan
3,219,873	4,429,813	37.58

Lawatan ka-rumah² oleh kakitangan² kesihatan:

1960	1965	Peratusan Kenaikan
843,073	1,484,767	76.11
Beranak—48,983	64,555	34.26

Di-Sarawak perkhidmatan kesihatan di-daerah² luar bandar maseh di-perluaskan. Pusat² Rawatan yang

baharu telah di-tubuhkan di-enam tempat dalam tahun ini dan dua lagi di-bena sekarang. Dua Dispensari Berkereta telah di-adakan. Klinik² ibu mengandong dan kanak² telah di-adakan di-banyak kawasan² baharu dan sekarang terdapat 63 buah Klinik² di-bawah penguasa tempatan dalam negeri itu, termasuk sa-buah klinik berkereta meliputi yang 8 buah kampung. Lapan lagi di-jalankan oleh Pengetus² ugama (mission) atau bidan² bersendirian. Dengan ini jumlah-nya ia-lah 79.

KESIHATAN

Malaysia Barat telah bebas daripada penyakit² berjangkit yang merbahaya dalam tahun 1966. Di-Sarawak tidak terdapat penyakit ta'un dalam tahun yang lepas. Bagaimana pun, untuk pertama kali-nya di-dalam abab ini terdapat penyakit chachar di-negeri itu di-sebabkan oleh lalu-lintas di-sempadan Malaysia dan Indonesia makin bertambah di-sebabkan tamatnya konfrantasi dengan Indonesia. Oleh sebab perhubungan dengan sa-orang yang di-shaki daripada Kalimantan, sa-orang penduduk sempadan terkena penyakit itu dan pemindahan-nya ka-Kuching telah menyebabkan merebak-nya penyakit² itu, dan ini telah mengakibatkan 4 orang di-sahkan dan tiga orang penyelenggaraan penyakit itu. Langkah² serta-merta telah di-ambil untuk mengawal merebak-nya penyakit ini dengan chara mengasingkan orang² yang di-sahkan dan yang di-shaki dan penghubung² mereka dan satu kempen menyuntik seluruh negeri telah di-jalankan. Lebeh daripada 90% penduduk² telah di-suntik dalam masa lebeh kurang dua bulan. Terdapat sa-jumlah lima kejadian termasuk satu kematian pada permulaan ini. Seluruh negeri itu telah di-ishtiharkan sa-bagai bebas daripada penyakit chachar pada 5hb Disember, 1966.

MALARIA

Di-sini saya mengambil kesempatan memberi tahu Ahli² Yang Berhormat akan anchaman berat terhadap kesihatan negara kita oleh penyakit Malaria, lebeh² lagi di-kawasan² luar bandar dan separoh bandar. Satu penyiasatan seluruh negeri melalui

usaha² bersama kaki-tangan ranchangan menghapuskan Malaria. Pusat Penyelidikan Perubatan dan Pasokan Penasehat Pertubohan kesihatan sa-Dunia mengenai penduduk² kawasan luar bandar telah di-jalankan dan ini telah menunjukkan bahawa 67.4% daripada kampung² ada mengidap penyakit malaria. Penyiasatan ini juga menunjukkan ia-itu lebeh kurang 180,000 penduduk² di-kawasan luar bandar dan 20,000 di-antara orang² asli dan penduduk² sa-paroh bandar menanggung kuman² malaria. Lebeh kurang 90% daripada kampung² di-Kelantan dan Trengganu dan 80 peratus di-Kedah ada mengandongi kes² malaria.

Masa'alah ini telah di-binchangkan dengan teliti oleh sa-buah Jawatankuasa Khas Kementerian saya dan mereka berpendapat bahawa jika sokongan yang memuaskan dari segi teknik dan kewangan di-dapati maka penyakit itu boleh di-chegah dan di-hapuskan dan ini akan menghasilkan perlindungan yang berkesan kapada penduduk² luar bandar dan di-bandar. Telah di-anggarkan ia-itu jumlah harga ranchangan ini ia-lah lebeh kurang \$118 juta di-jalankan dalam 10 tahun. Kementerian saya telah membelanjakan tiap² tahun lebeh kurang \$5.5 juta untuk perkhidmatan menchegeh malaria di-kawan² bandar dan sa-tengah kawasan² sa-paroh-bandar. Dengan hapus-nya penyakit malaria di-kawasan² luar bandar penyebaran penyakit malaria ka-kawasan² bandar akan terhenti.

Tidak ada peruntokan kewangan di-buat dalam Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama untuk Kementerian saya melancarkan satu ranchangan menghapuskan malaria. Perlu di-chari jalan² dan chara² untuk perbelanjaan ranchangan ini melalui bantuan luar negeri atau saloran² tempatan. Penting sa-kali penyakit malaria ini di-hapuskan sa-awal² yang boleh supaya taraf hidup dan penghasilan ekonomi penduduk² di-kawasan² luar bandar dan sa-paroh bandar dapat di-perbaiki.

Di-Sarawak ranchangan menchegeh malaria dengan bantuan Pertubohan

Kesihatan Sa-Dunia dan Tabong Kanak² Bangsa² Bersatu telah berjalan dengan memuaskan walau pun terdapat kesulitan² dalam kawalan di-daerah² sempadan. Malaria sekarang ini telah di-hapuskan sama sa-kali di-satu pertiga daripada kawasan di-negeri itu dan yang satu pertiga lagi kejadian² yang terdapat pun jarang² sa-kali. Di-kawasan² sempadan terutama di-Bahagian² Satu dan Dua penumpuan penyakit berjangkit maseh terdapat kebanyakan-nya di-sebabkan oleh kemasokan penyakit berjangkit itu daripada luar negeri yang terkena penyakit berjangkit di-kawasan sempadan di-Sarawak ia-lah kurang 0.2 peratus sahaja.

Negeri Thai dan Malaysia telah mengadakan satu persidangan kesihatan sempadan pada penghujung tahun 1966 untuk menimbang jalan² yang baik untuk menyamakan aktiviti² kesihatan masing² lebeh² lagi bagi menentang malaria. Penyakit malaria telah sampai pada peringkat penghapusan di-Negeri Thai. Lain² tajok kesihatan yang di-binchangkan ia-lah penyakit² ta'un, chachar, puru dan penyakit anjing gila. Telah di-persetujui bahawa usaha² menyekat penyakit² ini di-sempadan negeri masing² di-jalankan dan usaha penyamaan boleh di-atorkan menentang penyakit² ini apabila terdapat penyakit² tersebut di-kawasan² sempadan itu.

Satu persidangan yang serupa ini di-chadangkan untuk di-adakan dengan Indonesia tahun ini lebeh² lagi mengenai penyakit² yang di-dapati di-daerah sempadan di-Borneo.

Penyakit Batok Kering: Kempen Kebangsaan mengawal penyakit batok kering sedang berjalan dengan penohnya dan kemajuan telah di-dapati di-semua ketiga² barisan—ranchangan² latehan, suntikan B.C.G. dan usaha² besar menchari kejadian² penyakit itu. Semenjak kempen ini di-mulakan dalam tahun 1961 lebeh daripada 1.400 kakitangan² perubatan telah di-lateh, kebanyakan-nya ia-lah jururawat², pembantu² X-ray dan pembantu² ma'amal. Sa-hingga hari ini lebeh daripada 1¼ juta kanak² telah di-suntik dengan

sa-tengah juta kanak² yang baharu lahir.

Dalam usaha² besar menchari kejadian² penyakit ini lebeh daripada 1 juta orang² dewasa telah di-X-ray dan di-dapati bahawa lebeh daripada 55,000 orang yang di-shaki memerlukan penyiasatan yang lebeh lanjut untuk menentukan sama ada ia menghidap penyakit batok kering atau tidak. Di-sini saya berasa kesal mengatakan bahawa sambutan daripada orang² yang di-shaki untuk datang di-siasatkan lebeh lanjut lagi ada-lah sangat kechil. Lebeh kurang 40 peratus sahaja dari orang² yang di-shaki sa-telah di-X-ray telah melaporkan diri untuk di-pereksa lebeh lanjut. Daripada bilangan itu lebeh kurang 15,000 telah di-tentukan sa-bagai menghidap penyakit batok kering dan sekarang sedang di-rawat. Lebeh kurang 30,000 orang yang di-shaki sa-telah di-X-ray tidak melaporkan diri walau pun mereka di-ingatkan beberapa kali. Kami telah dapat mengesan kembali kebanyakan daripada orang yang di-shaki ini melalui perkhidmatan² melawat rumah. Orang² yang di-shaki ini telah menunjukkan beberapa keganjilan dalam gambar X-ray mereka tetapi daya upaya yang ada sekarang belum menchukupi lebeh² lagi tentang kakitangan yang di-kehendaki menchari tiap² sa-orang daripada 30,000 orang yang di-shaki itu. Kebanyakan daripada mereka ini sedang menghidap penyakit ini pada peringkat permulaan.

Sekarang ini lebeh kurang 50,000 orang di-negeri ini yang mendapat rawatan penyakit batok kering di-rumah² sakit dan kelinik². Untuk memberi kesan yang penoh, maka penting ubat² menchehag penyakit batok kering yang di-tentukan di-gunakan sa-lama 2 tahun.

Kesulitan utama ia-lah dari segi perubatan kerana apabila orang sakit itu merasa diri-nya sehat, ia-itu kira² enam minggu, ia pun berhenti memakan ubat². Orang² sakit saperti ini mungkin mendapat penyakit itu samula dan ini ada-lah satu masaalah

Pengarah telah di-lantek dalam bulan Mei dan ranchangan telah pun di-buat untuk meluaskan aktiviti² Pusat ini berdasarkan kepada kehendak² negeri ini yang makin meluas dengan menumpukan perhatian kepada kehendak² kesihatan di-daerah² luar bandar.

Perubatan: Perkhidmatan² perubatan telah pun di-perluaskan selaras dengan perkhidmatan² kesihatan bagi menyamakan kehendak² perubatan yang makin bertambah yang menyebabkan bertambah-nya penduduk² dan case² yang di-hantarkan ka-rumah² sakit oleh berbagai² perkhidmatan kesihatan dan ranchangan² kesihatan umum.

Bilangan katil² di-rumah² sakit di-Malaysia Barat telah bertambah dari 21,102 dalam tahun 1960 kepada 26,260 dalam tahun 1966—tambahan sebanyak 24.44%.

Bilangan orang² yang berkehendakan rawatan perubatan makin bertambah ada-lah terbukti dengan angka² di-bawah ini:

	1960	1965	Bertambah
Kemasokan	308,385	423,393	37.29%
Orang Sakit—Luar di-Rumah ² Sakit . .	4,296,015	5,952,787	38.56%

Bagi membantu perkhidmatan perubatan, Kerajaan terdapat beberapa rumah² sakit private termasuk juga rumah² sakit ladang dan lombong² dan rumah² sakit private bagi ibu² yang mengandong. Jumlah katil² ia-lah 5,968 dengan memberi rawatan kepada 115,666 orang sakit dalam dan 1,151,758 orang sakit-luar dalam tahun 1965.

Kerajaan telah pun mengambil keputusan bahawa mulai daripada 1hb January, 1967, orang² sakit-luar di-rumah² sakit Kerajaan dan dispensari² akan di-kehendaki membayar sa-banyak 50 sen sa-kali rawatan. Pembayaran ini tidak akan di-kenakan kepada orang² yang memberi pengakuan yang benar bahawa mereka tidak mampu membayar-nya.

Pergigian: Sekolah Latehan Pergigian yang baharu di-Pulau Pinang telah di-buka pada 8hb April, 1966, untuk melateh jururawat² gigi² dan juruteknik² gigi bukan sahaja untuk chalun²

negeri ini tetapi juga chalun² daripada negeri² sahabat.

Dalam tahun 1966, 5 buah Pusat Kesihatan Kechil dengan Klinik² Gigi di-dalam-nya telah siap di-bena. Bangunan Setor Pusat Pergigian yang lama di-Pulau Pinang telah di-jadikan pusat kelinik gigi bagi negeri Pulau Pinang. Juga sa-buah kelinik gigi di-rumah sakit Pulau Pinang telah di-perbaharukan.

Sa-buah Klinik Gigi yang besar di-Kuala Lumpur telah pun di-ranchangkan bersama dengan projek² pergigian yang lain.

Di-negeri Sarawak, 2 buah kelinik gigi yang baharu di-Simanggang dan Limbang telah siap dan sekarang telah menjalankan perkhidmatan-nya. Klinik ketiga di-Sibu telah siap 40%. Juga terdapat 17 buah kelinik gigi sekolah di-sekolah² di-negeri itu. 4 orang jururawat gigi telah kembali dari Pulau Pinang tahun lepas dan 19 orang maseh menjalani latehan di-Pulau Pinang.

Kemudahan² Perubatan: Dua buah rumah sakit baharu—satu di-Tanjong Karang dan lagi satu di-Dungun telah menjalankan perkhidmatan pada bulan September, 1966.

Ada terdapat sedikit kelambatan dalam menyiapkan Rumah Sakit Latehan Petaling Jaya yang mengandongi 756 buah katil. Ini di-sebabkan oleh pemogokan pekerja kapal di-United Kingdom yang menyebabkan pengatoran kelengkapan dan perkakas² yang berkaitan terlambat. Bagaimana pun tarikh baharu untuk menyiapkan-nya ia-lah di-dalam 4 bulan yang pertama tahun 1967 ini.

Kechuali sedikit kelambatan dalam mengeluarkan konterek² untuk pekerjaan² mekanik dan letrik, usaha² pembenaan peringkat pertama Rumah Sakit Baharu, Kuala Lumpur sedang berjalan dengan memuaskan. Mengenai Wad Kelas I dan Wad Ibu² Yang Mengandong di-Ipoh lebeh daripada 80% telah pun siap. Pekerjaan² di-Rumah Sakit Baharu di-Seremban sedang berjalan mengikut jadual.

Rumah² Sakit Daerah di-Kulim dan di-Klang akan di-perbaiki dengan menambahkan wad² dan kemudahan² yang lain.

Di-hampir² kesemua rumah² sakit di-negeri ini usaha² kecil dan besar untuk memperbaiki dan membaharu² telah pun di-jalankan dalam tahun lepas. Wad² baharu telah di-adakan, wad² yang ada sekarang telah di-perluaskan, dispensari² orang sakit-luar, bilek² belah, dapur dan kemudahan² lain² telah di-perbaiki.

Di-Sarawak satu permulaan telah pun di-buat pada tahun lepas untuk membena peringkat pertama Rumah Sakit Umum Sarawak yang berharga \$16.5 juta. Rumah Sakit ini di-jangka siap pada penghujung tahun 1968.

Dua rumah sakit tempatan yang baharu di-Marudi dan di-Lundu yang mengandongi 25 buah katil tiap² sa-buah telah siap dan telah pun menjalankan tugas. Dengan itu rumah² sakit umum Kerajaan berjumlah 8 buah termasuk Rumah Sakit Memorial Rajah Charles Brooke bagi orang² mengidap penyakit kusta. Bahagian Ibu² Yang Mengandong di-Rumah Sakit Lau King Howe, Sibul, telah di-perluaskan lagi dan sa-buah Unit Kesihatan Otak yang baharu bersambung dengan Rumah Sakit Umum Miri telah siap.

Jumlah katil² di-Rumah Sakit Kerajaan sekarang ia-lah 1,100 bagi kegunaan umum termasuk 143 buah katil di-Rumah Sakit yang di-uruskan oleh pengutus² agama (mission) kebanyakan daripadanya ia-lah untuk perubatan perbidanan.

Kakitangan: Keadaan kekurangan kakitangan² perubatan yang lain untuk perkhidmatan² perubatan, kesihatan dan pergigian makin bertambah baik. Ini ia-lah di-sebabkan pengeluaran kakitangan² yang di-lateh dari berbagai² sekolah dan pusat² tempatan yang ditubuhkan makin bertambah. Bagaimana pun bilangan doktor², doktor² gigi dan ahli² kimia ubat ada-lah kecil

dan kekurangan ini dalam perkhidmatan ada-lah maseh tenat. Di-Sarawak keadaan kekurangan doktor² telah beransor baik pada penghujung tahun lepas.

40 doktor telah di-ambil dari negeri Korea dan sekarang sedang bertugas dengan baik. Segala usaha akan di-buat untuk mengambil 45 orang doktor Filipino yang di-pilih sa-belum konfrantasi dahulu tetapi masa ini chuma sa-bilangan kecil sahaja daripadanya telah di-dapati dan mustahak di-adakan satu pemilehan baharu.

Tawaran doktor² dari Negeri Republik Arab Bersatu dan Negeri Belgium ada-lah dalam urusan tetapi perkara ini mungkin memakan sedikit masa sa-belum doktor² itu dapat bertugas di-negeri ini. Keadaan doktor² akan mula bertambah tidak apabila mahasiswa² perubatan dari fakulti perubatan di-Universiti Malaya mula keluar dari tahun 1969 dan sa-lepasnya. Di-samping itu Undang² Pendaftaran Perubatan telah di-pinda untuk membenarkan pendaftaran warga negara² Malaysia yang berkelulusan ijazah² perubatan luar negeri dapat bekerja dalam Kerajaan atau practice sa-lepas lulus satu ujian atau sa-lepas berkhidmat dengan memuaskan dengan pehak Kerajaan sa-lama 3 tahun.

Mr Chairman: Berapa banyak lagi?

Tuan Bahaman bin Samsuddin: Banyak lagi.

Mr Chairman: Masa sudah chukup.

House resumed.

Mr (Deputy) Speaker: Ahli² Yang Berhormat, saya mema'alumkan ia-itu mengikut Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbekalan tahun 1967 telah sampai kepada Kepala 30 bagi Jadual dalam Rang Undang² ini.

Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10 pagi esok.

House adjourned at 6.30 p.m.